KOLUM I KELAS/AKTIVITI UTAMA	KOLUM II AKTIVITI YANG DIBENARKAN	KOLUM III AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		KOLUM IV AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	KOLUM V LAIN-LAIN SYARAT
		AKTIVITI	SYARAT		
D_INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT	**D1_Pendidikan** **D2_Kesihatan** **D3_Keagamaan** **D5_Keselamatan** **D7_Kegunaan Kerajaan/ Badan Berkanun** **D8_Kemudahan Awam** **D9_Rumah Persatuan/ Pertubuhan** • **Kawalan Pembangunan:** ❑ Nisbah Plot : 1 : 2 ❑ Kawasan Plinth : 60% ❑ Ketinggian (Tingkat): 5	**F_Pengangkutan** F4_Jalan **G_Infrastruktur Dan Utiliti** G1_Bekalan Eletrik G3_Bekalan Air G4_Pengairan dan Perparitan G5_Telekomunikasi G6_Pelupusan Sisa Pepejal G8_Pembetungan	• Tadika/taska hanya dibenarkan di lot hujung (deretan teres), lot berkembar dan lot sesebuah. • Menyediakan kemudahan yang secukupnya seperti yang ditetapkan oleh garis panduan dan piawaian yang diguna pakai oleh PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.	• Selain Aktiviti Yang Dinyatakan Di Kolum I, II & III	• Pembangunan baharu perlu digalakkan untuk menjurus kepada pembangunan infrastruktur hijau dan mesra alam. Antara langkah-langkah yang digalakkan adalah: ➢ Penerapan amalan mesra alam dalam aktiviti harian; ➢ Penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH); ➢ Penggunaan teknologi hijau dan *energy efficient*; ➢ Pelaksanaan saliran mesra alam; dan ➢ Penerapan reka bentuk bangunan hijau. ➢ Reka bentuk bangunan perlu mengambilkira ciri-ciri tempatan dan lokaliti risiko bencana (seperti banjir). • Semua pembangunan baharu perlu mengikut ketetapan akta dan garis panduan/piawaian semasa yang diguna pakai oleh PBN, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan. ➢ Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka. ➢ Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti, PLANMalaysia (2012)(GP006-A). ➢ Garis Panduan Reka bentuk Sejagat (*Universal Design*), PLANMalaysia (2011)(GP015-A). ➢ Garis Panduan Bandar Selamat (CPTED), PLANMalaysia(2010). ➢ Garis Panduan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia, PLANMalaysia (GP030/2019). ➢ Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi, SKMM (GPP-I). ➢ Peraturan-peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Bagi Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020. ➢ Lain-lain garis panduan yang diguna pakai oleh PBT dan agensi teknikal.
F_PENGANGKUTAN	**F1_Pengangkutan Darat** **F4_Jalan**		• Cadangan jalan perlu mematuhi syarat-syarat, dan piawaian yang diguna pakai oleh JKR, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan. • Menyediakan kemudahan infrastruktur yang secukupnya seperti yang ditetapkan oleh garis panduan semasa dan piawaian yang diguna pakai oleh PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.		
J_BADAN AIR	**J1_Semula jadi** J1.1_Sungai **J2_Buatan**	**E_Tanah Lapang dan Rekreasi** E1_Tanah Lapang E2_Kemudahan Sukan dan Rekreasi E2.5_Kemudahan Rekreasi Pelancongan E3_Kawasan Hijau	• Program Denai Kebangsaan di sepanjang Sg. Kesang. • Aktiviti rekreasi dibenarkan dengan penyediaan kemudahan asas seperti wakaf/gerai/kiosk, tempat berkelah, denai sungai, laluan sikal dan sebagainya. • Ini tertakluk kepada kelulusan dan penentuan syarat-syarat dan persetujuan PBN, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.		• Penyediaan zon penampan dan aktiviti di kawasan badan air (sungai/tasik/dll) perlu merujuk kepada: 1) Peraturan-peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Bagi Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020. 2) Peraturan-peraturan Aktiviti Rekreasi Air (Negeri Melaka) 2021. • Aktiviti pertanian terhad (jangka pendek) dibenarkan (seperti tanaman kontan/sayur), tertakluk kepada kelulusan PBN, PBT dan agensi teknikal berkaitan.



BLOK PERANCANGAN

Kawasan Perairan Jasin

7

B7.1 MATRIKS PETA INDEKS

Keluasan keseluruhan bagi BP7 ialah 13,250.20 hektar (17.28%) daripada keseluruhan kawasan kajian. BP7 dibahagikan kepada 3 blok perancangan kecil (BPK), berdasarkan kekuatan dan potensi pembangunan yang terdapat dalam BPK masing-masing.

Jadual B7.1 MATRIKS SYIT PIAWAIAN KESELURUHAN

BLOK PERANCANGAN KECIL (BPK)		LUAS BPK (HEKTAR)
7.1	Enklaf Umbai-Siring	486.53
7.2	Zon ZIA, Agro dan Eko Pelancongan	11,386.43
7.3	Zon Larangan Tangkapan Ikan dan Zon Taman Laut	1,377.24
	JUMLAH KESELURUHAN	**13,250.20**




35_C_I
35_C_II
35_D_I
35_D_II
36_C_I
36_C_II
35_C_IV
35_D_III
35_D_IV
36_C_III
36_C_IV
45_A_II
45_B_I
45_B_II
46_A_I
46_A_II
44_B_IV
45_A_III
45_A_IV
45_B_III
45_B_IV
46_A_III
46_A_IV
44_D_II
45_C_I
45_C_II
45_D_I
45_D_II
46_C_I
46_C_II
44_D_IV
45_C_III
45_C_IV
45_D_III
45_D_IV
46_C_III
46_C_IV
54_B_II
55_A_I
55_A_II
55_B_I
55_B_II
56_A_I
56_A_II
54_B_IV
55_A_III
55_A_IV
55_B_III
55_B_IV
56_A_III
56_A_IV
54_D_II
NA209
NA210
NA211
NA212
NA213
NA214
54_D_IV
NA235
NA236
NA237
NA238
NA239
NA240
64_B_II
NA261
NA262
NA265
64_B_IV
NA287
NA288
NA289
NA290
NA291
NA292
NA293

PELAN LOKASI

PETUNJUK

Cadangan Guna Tanah

- Komersial
- Hutan

Infrastruktur dan Utiliti

- Bekalan Elektrik

Pengangkutan

- Cadangan Laluan HSR
- Cadangan Lebuhraya WCE

Sempadan

- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT/ Daerah
- Sempadan BP
- Sempadan BPK



PECAHAN GUNA TANAH		HEKTAR	%
	Komersial	10.24	0.08
	Pengangkutan	0.11	0.00
	Badan Air	5.25	0.04
	Hutan	433.29	3.27
	Pantai	18.20	0.14
	Laut	12,783.10	96.47
	JUMLAH KESELURUHAN	13,250.20	100.00

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

B7.2 CADANGAN KELAS/AKTIVITI UTAMA, INTENSITI, DENSITI, NISBAH PLOT DAN KETINGGIAN

Jadual B7.2 MATRIKS SYIT PIAWAIAN, CADANGAN KELAS / AKTIVITI UTAMA, INTENSITI PEMBANGUNAN (DENSITI, NISBAH PLOT DAN KETINGGIAN)

BLOK PERANCANGAN KECIL (BPK)		LUAS BPK (HEKTAR)	AKTIVITI UTAMA		SYIT PIAWAI	INTENSITI PEMBANGUNAN				
			KOD	AKTIVITI UTAMA		DENSITI (UNIT/EKAR)		PLINTH	NISBAH PLOT	KETINGGIAN MAKSIMUM (TINGKAT)
7.1	Enklaf Umbai-Siring	486.53	Br	Badan Air	44_D_II, 45_C_I, 44_D_IV, 45_C_III, 55_A_I	-	-	-	-	-
			Kc	Komersial		-	-	60%	1 : 3	5
7.2	Zon ZIA, Agro dan Eko Pelancongan	11,386.43	Br	Badan Air	45_C_III, 45_C_IV, 45_D_III, 55_A_I, 55_A_II, 55_B_I, 55_B_II, 55_B_III, 55_B_IV, 56_A_III, 56_A_IV, NA211, NA212, NA213, NA214, NA237, NA238, NA239, NA265, 56_A_I	-	-	-	-	-
			Htn	Hutan						
			Pn	Pantai						
7.3	Zon Larangan Tangkapan Ikan dan Zon Taman Laut	1,377.24	Br	Badan Air	44_D_IV, 45_C_III, 54_B_II, 55_A_I, 55_A_II, 55_B_I, 54_B_IV, 55_A_III, 55_A_IV, 55_B_III, 55_B_IV, 54_D_II, NA209, NA210, NA211, 54_D_IV, NA235, NA236, NA237, 64_B_II, NA261, NA262, 64_B_IV, NA287, NA288, NA289, NA290, NA291, NA292, NA293	-	-	-	-	-

DENSITI	-	Tidak Berkaitan	R	Rendah (≤ 10 unit/ekar)	S	Sederhana (≤ 24 unit/ekar)	ST	Sederhana Tinggi (≤ 40 unit/ekar)	T	Tinggi (≤ 60 unit/ekar)
PLOT RATIO	-	Tidak Berkaitan	1 : 1	Rendah	1 : 2	Sederhana	1 : 3	Sederhana Tinggi	1 : 4	Tinggi

KELAS KEGUNAAN TANAH

BLOK PERANCANGAN

7

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



PELAN LOKASI

PETUNJUK

Cadangan Guna Tanah

- Komersial

Infrastruktur dan Utiliti

- Bekalan Elektrik

Sempadan

- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT/ Daerah
- Sempadan BP
- Sempadan BPK
- Sempadan BPK 7.1



BPK	NAMA	MUKIM	KELUASAN
7.1	ENKLAF UMBAI-SIRING	-	486.53 HEKTAR

KOLUM I KELAS/AKTIVITI UTAMA	KOLUM II AKTIVITI YANG DIBENARKAN	KOLUM III AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		KOLUM IV AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	KOLUM V LAIN-LAIN SYARAT
		AKTIVITI	SYARAT		
J_BADAN AIR	**J1_Semula Jadi** J1.4_Laut	**B_Komersial**	• **Rujuk Butiran Kolum I : Komersial**	• Selain Aktiviti Yang Dinyatakan Di Kolum I, II & III	• Sebarang pembangunan di kawasan badan air hendaklah selaras dengan RT dan berdasarkan kepada faktor-faktor berikut: 1. Keperluan dan manfaat aktiviti tersebut dapat dibuktikan dengan jelas dalam memberi sumbangan sosio-ekonomi dan signifikan pada peringkat negeri dan negara (seperti pembangunan infrastruktur); dan 2. Tidak menjejaskan alam sekitar dan sosial secara signifikan. • Pembangunan baharu di kawasan badan air perlu melaksanakan kajian-kajian berikut serta memperoleh kelulusan daripada agensi berkaitan: ▪ Kajian EIA; ▪ Kajian Hidraulik; ▪ Kajian SIA; ▪ Kajian HIA (jika termasuk dalam Zon Pemeliharaan); dan ▪ Lain-lain kajian yang ditetapkan oleh agensi teknikal berkaitan. 1. Memperuntukkan: ▪ Sekurang-kurangnya 30 darjah bukaan di muara sungai asal mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh jabatan agensi teknikal; ▪ Zon pemisah sekurang-kurangnya 500 meter di antara kawasan pesisiran pantai sedia ada (paras purata air pasang perbani (MHWS)) dengan kawasan cadangan pembangunan. 2. Perlu dinyatakan dalam rancangan pembangunan negeri dan PBPT sebelum aktiviti tersebut dilaksanakan. • Semua pemajuan/pembangunan perlu mengikut ketetapan akta dan garis panduan/ piawaian semasa yang diguna pakai oleh PBN, PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan. ➢ Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka. ➢ Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara Ke-2 ➢ Garis Panduan Perancangan dan Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS Pesisiran Pantai, JPBD, 2014 (GP007-A(3). ➢ Peraturan-peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Bagi Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020. ➢ Lain-lain garis panduan yang berkaitan.
		C_Industri C5_Perindustrian Khas (Teknologi Tinggi) C5.28_Industri Boleh Diperbaharui *(Renewable Energy)*	• Dibenarkan beroperasi mengikut tempoh yang diluluskan sahaja • Juga tertakluk kepada kelulusan dan ketetapan PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.		
		F_Pengangkutan F1_Pengangkutan Darat F2_Pengangkutan Air F4_Jalan	• Mengikut piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal berkaitan. • Reka bentuk jalan dan struktur tembok penahan perlu dinaikkan 1 meter dari aras air pasang falak tertinggi, ditambah dengan unjuran kenaikan paras air laut. • Aktiviti '*islands hopping*' dan pelayaran pelancongan adalah dibenarkan, tertakluk kepada piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan.		
		G_Infrastruktur Dan Utiliti G1_Bekalan Elektrik G3_Bekalan Air G4_Pengairan dan Perparitan G5_Telekomunikasi	• Mengikut piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal berkaitan.		
		H_Pertanian H3_Akuakultur H4_Perikanan Laut			
		K_Pantai K1_Semula Jadi K2_Buatan			

Sambungan

KOLUM I KELAS/AKTIVITI UTAMA	KOLUM II AKTIVITI YANG DIBENARKAN	KOLUM III AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		KOLUM IV AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	KOLUM V LAIN-LAIN SYARAT
		AKTIVITI	SYARAT		
B_KOMERSIAL (Komersial Bercampur)	**B1_Teres** **B2_Berkembar** • **Kawalan Pembangunan:** ❑ Nisbah Plot : 1 : 3 ❑ Kawasan Plinth : 100% ❑ Ketinggian (Tingkat): 3 **B3_Bangunan Sesebuah** B3.1_Rumah Kedai B3.2_Kedai Pejabat B3.3_*Hypermarket* B3.4_*Superstore* B3.5_Kompleks Perniagaan B3.6_Pangsapuri Perkhidmatan B3.7_Hotel B3.8_Kemudahan Penginapan Asrama B3.10_Pejabat B3.11_Restoran B3.12_Arked/ Bazar B3.13_Gerai Statik/ Medan Selera **B5_Kegunaan Khusus** B5.1_Pendidikan Swasta B5.2_Kesihatan Swasta B5.3_Kemudahan Swasta B5.4_Kemudahan Sukan dan Rekreasi Swasta B5.7_Tempat Letak Kenderaan Swasta B5.9_Tapak Bazar B5.12_Pusat Kitar Semula Swasta • **Kawalan Pembangunan:** ❑ Nisbah Plot : 1 : 4 ❑ Kawasan Plinth : 60% ❑ Ketinggian (Tingkat): 10 • Aktiviti **Komersial Bercampur** dibenarkan dengan pecahan : ➢ **60% - Komersial; dan** ➢ **Perumahan tidak melebihi 40%**	**D_Institusi dan Kemudahan Masyarakat** D1_Pendidikan D2_Kesihatan D3_Keagamaan D5_Keselamatan D7_Kegunaan Kerajaan/ Badan Berkanun D8_Kemudahan Awam D9_Rumah Persatuan/ Pertubuhan	• **Kawalan Pembangunan:** ❑ Nisbah Plot : 1 : 2 ❑ Kawasan Plinth : 60% ❑ Ketinggian (Tingkat): 5 • Mengikut piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal berkaitan. **Kawalan Pembangunan:** Nisbah Plot : 1 : 2 Kawasan Plinth : 60% Ketinggian (Tingkat): 5	• Selain Aktiviti Yang Dinyatakan Di Kolum I, II & III	• Sebarang pembangunan komersial adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ternyata untuk Kelas Badan Air. • Reka bentuk bangunan baharu digalakkan: a) *Artificial island'* merupakan salah satu bentuk pembangunan yang berpotensi dibangunkan sebagai pusat pelaburan dan pelancongan antarabangsa. b) Penerapan komponen Bandar Pintar. c) Memiliki reka bentuk yang bercirikan identiti warisan tempatan. d) Bangunan berhadapan pantai perlu digalakkan mempunyai *double frontage* dan dibenarkan dibangunkan di atas '*piled structure*' dengan konsep komersial terapung, e) Reka bentuk bangunan digalakkan berkonsepkan '*cascading design*' serta tidak menghalang pemandangan ke arah pantai. f) Menggalakkan penyediaan kemudahan dan laluan pejalan kaki khas bagi golongan kelainan upaya (OKU) dan warga emas serta menerapkan ciri-ciri keselamatan bandar (GPP Khusus Laluan Sejagat) & GPP Bandar Selamat) • Pembangunan baharu perlu digalakkan untuk menjurus kepada pembangunan infrastruktur hijau dan mesra alam. Antara langkah-langkah yang digalakkan adalah: a) Penerapan amalan mesra alam dalam aktiviti harian; b) Penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH); c) Penggunaan teknologi hijau dan *energy efficient*; d) Pelaksanaan saliran mesra alam; dan e) Penerapan reka bentuk bangunan hijau dan pintar. • Semua pemajuan/pembangunan perlu mengikut ketetapan akta dan garis panduan/ piawaian semasa yang diguna pakai oleh PBN, PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan. ➢ Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka. ➢ Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara Ke-2 ➢ Garis Panduan Perancangan dan Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS Pesisiran Pantai, JPBD, 2014 (GP007-A(3). ➢ Peraturan-peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Bagi Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020. ➢ Lain-lain garis panduan yang berkaitan.
		E_Tanah Lapang dan Rekreasi E1_Tanah Lapang E2_Kemudahan Sukan Dan Rekreasi E3_Kawasan Hijau	• Menyediakan kawasan lapang & rekreasi seperti yang ditetapkan oleh garis panduan semasa dan piawaian yang diguna pakai oleh PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan**.**		
		F_Pengangkutan F1_Pengangkutan Darat F2_Pengangkutan Air F4_Jalan	• Mengikut piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal berkaitan.		
		G_Infrastruktur dan Utiliti G1_Bekalan Elektrik G3_Bekalan Air G4_Pengairan dan Perparitan G5_Telekomunikasi G6_Pelupusan Sisa Pepejal G8_Pembetungan			
		J_Badan Air J2_Buatan			
		K_Pantai J2_Buatan	**Pesisiran Pantai** • Anjakan bangunan di kawasan pantai dari paras purata air pasang perbani (MHWS) adalah seperti berikut: **a) Pantai Awam :** Anjakan bangunan = 87m (290') merangkumi: • 60m (197') zon pantai; • 6.1m (20') laluan siar kaki; • 15.2m (50') jalan perkhidmatan; • 6.1m(20') anjakan bangunan. **b) Bukan Pantai Awam :** Anjakan bangunan = 66m (220') merangkumi: • 60m (197') zon pantai; • 6.1m (20') anjakan bangunan. • Laluan awam ke kawasan pesisiran pantai selebar minimum 6.1m (20') perlu disediakan dengan jarak maksimum 100m (328') antara satu laluan awam dengan yang lain dan perlu bersambung dengan pembangunan melalui laluan promenade pesisir pantai dan dataran utama.		



PETUNJUK

Cadangan Guna Tanah

- Hutan

Infrastruktur dan Utiliti

- Bekalan Elektrik

Sempadan

- Zon Larangan Tangkapan Ikan
- Sempadan Taman Laut
- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT/ Daerah
- Sempadan BP
- Sempadan BPK
- Sempadan BPK 7.2



BPK	NAMA	MUKIM	KELUASAN
7.2	ZON ZIA, AGRO DAN EKO PELANCONGAN	-	5,179.78 HEKTAR

KOLUM I KELAS/AKTIVITI UTAMA	KOLUM II AKTIVITI YANG DIBENARKAN	KOLUM III AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		KOLUM IV AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	KOLUM V LAIN-LAIN SYARAT
		AKTIVITI	SYARAT		
J_BADAN AIR	**J1_Semula Jadi** J1.4_Laut	**B_Komersial** B3_Bangunan Sesebuah 3.9_Kemudahan Penginapan Pelancongan (KelGlamp/Kelong)	• Peletakan KelGlamp/kelong perlu mengambikira ➢ Laluan pergerakan kapal/bot nelayan dalam kawasan perairan. ➢ Zon pemisah di antara KelGlamp dan kelong digalakkan dengan jarak minimum 50 meter. ➢ Had daya tampungan KelGlamp & Kelong memerlukan suatu kajian terperinci bagi mengenal pasti impak jangka panjang kepada persekitaran, ekonomi dan sosial. ➢ Mengikut piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan. • Reka bentuk KelGlamp/Kelong perlu mengambilkira/memiliki: ➢ *Artificial island'* merupakan salah satu bentuk pembangunan yang berpotensi dibangunkan sebagai pusat pelaburan dan pelancongan antarabangsa. ➢ Reka bentuk yang bercirikan identiti warisan tempatan. ➢ Bangunan berhadapan pantai perlu digalakkan mempunyai *double frontage* dan dibenarkan dibangunkan di atas '*piled structure*' dengan konsep komersial terapung, ➢ Penerapan amalan mesra alam dalam aktiviti harian. ➢ Penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH); ➢ Penggunaan teknologi hijau dan *energy efficient*; ➢ Pelaksanaan saliran mesra alam; dan ➢ Penerapan reka bentuk bangunan hijau dan pintar.	• Selain Aktiviti Yang Dinyatakan Di Kolum I, II & III	• **Tidak Dibenarkan** sebarang aktiviti penambakan dan tebus guna tanah kerana zon ini berkepentingan dari segi ➢ Zon Pemeliharaan Alam (KSAS Tahap 2) – kawasan HSK Merlimau dan cadangan perluasan kawasan hutan paya bakau; dan ➢ Sekuriti makanan – ZIA Sebatu dan ZIA Sempang. • Pembangunan baharu di kawasan badan air perlu melaksanakan kajian-kajian berikut serta memperoleh kelulusan daripada agensi berkaitan: ▪ Kajian EIA; ▪ Kajian Hidraulik; ▪ Kajian SIA; ▪ Kajian HIA (jika termasuk dalam Zon Pemeliharaan); dan ▪ Lain-lain kajian yang ditetapkan oleh agensi teknikal berkaitan. 1. Memperuntukkan: ▪ Sekurang-kurangnya 30 darjah bukaan di muara sungai asal mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh jabatan agensi teknikal; ▪ Zon pemisah sekurang-kurangnya 500 meter di antara kawasan pesisiran pantai sedia ada (paras purata air pasang perbani (MHWS)) dengan kawasan cadangan pembangunan. 2. Perlu dinyatakan dalam rancangan pembangunan negeri dan PBPT sebelum aktiviti tersebut dilaksanakan. • Semua pemajuan/pembangunan perlu mengikut ketetapan akta dan garis panduan/ piawaian semasa yang diguna pakai oleh PBN, PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan. ➢ Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka. ➢ Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara Ke-2 ➢ Garis Panduan Perancangan dan Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS Pesisiran Pantai, JPBD, 2014 (GP007-A(3). ➢ Peraturan-peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Bagi Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020. ➢ Lain-lain garis panduan yang berkaitan.
		C_Industri C5_Perindustrian Khas (Teknologi Tinggi) C5.28_Industri Boleh Diperbaharui *(Renewable Energy)*	• Dibenarkan beroperasi mengikut tempoh yang diluluskan sahaja • Juga tertakluk kepada kelulusan dan ketetapan PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.		
		F_Pengangkutan F2_Pengangkutan Air	• Aktiviti '*islands hopping*' dan pelayaran pelancongan adalah dibenarkan, tertakluk kepada piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan.		
		G_Infrastruktur dan Utiliti G1_Bekalan Elektrik G3_Bekalan Air G4_Pengairan dan Perparitan G5_Telekomunikasi	• Mengikut piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal berkaitan.		
		H_Pertanian H3_Akuakultur H4_Perikanan Laut	• Mengikut piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal berkaitan.		

Sambungan

KOLUM I KELAS/AKTIVITI UTAMA	KOLUM II AKTIVITI YANG DIBENARKAN	KOLUM III AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		KOLUM IV AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	KOLUM V LAIN-LAIN SYARAT
		AKTIVITI	SYARAT		
I_HUTAN	**I1_Hutan Simpan Kekal** I1.2_Hutan Paya Laut **I2_Hutan Tanah Kerajaan** I2.3_Hutan Paya Laut	**E_Tanah Lapang dan Rekreasi** E2_Kemudahan Sukan Dan Rekreasi E2.5_ Kemudahan Rekreasi Pelancongan	• Cadangan perluasan kawasan HSK Merlimau. • Hanya aktiviti eko-pelancongan dan rekreasi dibenarkan. • Aktiviti eksplorasi, perkelahan, pembelajaran dan penyelidikan & pembangunan dibenarkan. • Penggunaan bahan-bahan mesra alam serta pembinaan infrastruktur asas yang tidak memberikan kesan negatif kepada alam persekitaran dibenarkan. • Mengikut piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal berkaitan.	• Selain Aktiviti Yang Dinyatakan Di Kolum I, II & III	• Pembangunan baharu di kawasan badan air perlu melaksanakan kajian-kajian berikut serta memperoleh kelulusan daripada agensi berkaitan: ▪ Kajian EIA; ▪ Kajian Hidraulik; ▪ Kajian SIA; ▪ Kajian HIA (jika termasuk dalam Zon Pemeliharaan); dan ▪ Lain-lain kajian yang ditetapkan oleh agensi teknikal berkaitan. 1. Memperuntukkan: ▪ Sekurang-kurangnya 30 darjah bukaan di muara sungai asal mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh jabatan agensi teknikal; ▪ Zon pemisah sekurang-kurangnya 500 meter di antara kawasan pesisiran pantai sedia ada (paras purata air pasang perbani (MHWS)) dengan kawasan cadangan pembangunan. 2. Perlu dinyatakan dalam rancangan pembangunan negeri dan PBPT sebelum aktiviti tersebut dilaksanakan. • Semua pemajuan/pembangunan perlu mengikut ketetapan akta dan garis panduan/ piawaian semasa yang diguna pakai oleh PBN, PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan. ➢ Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka. ➢ Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara Ke-2 ➢ Garis Panduan Perancangan dan Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS Pesisiran Pantai, JPBD, 2014 (GP007-A(3). ➢ Peraturan-peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Bagi Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020. ➢ Lain-lain garis panduan yang berkaitan.
K_PANTAI	**K1_Semulajadi** **K2_Buatan** K2.1 Kawasan Tambakan K2.2_Pantai Buatan Lain	**B_Komersial** B3_Bangunan Sesebuah B3.12_Gerai Statik/ Medan Selera **E_Tanah Lapang dan Rekreasi** E1_Tanah Lapang E2_Kemudahan Sukan Dan Rekreasi E2.5_ Kemudahan Rekreasi Pelancongan **F_Pengangkutan** F2_Pengangkutan Air F4_Jalan **G_Infrastruktur dan Utiliti** G1_Bekalan Elektrik G3_Bekalan Air G4_Pengairan dan Perparitan G5_Telekomunikasi G6_Pelupusan Sisa Pepejal G8_Pembetungan	Mengikut piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal berkaitan. Reka bentuk jalan dan struktur tembok penahan perlu dinaikkan 1 meter dari aras air pasang falak tertinggi, ditambah dengan unjuran kenaikan paras air laut. **Pesisiran Sungai & Pantai** • Menyediakan rizab dan zon penampan yang secukupnya di sekitar/pesisiran pantai dan sungai seperti yang ditetapkan oleh garis panduan dan piawaian semasa yang diguna pakai oleh agensi teknikal yang berkaitan. **Pesisiran Pantai** • Anjakan bangunan di kawasan pantai dari paras purata air pasang perbani (MHWS) adalah seperti berikut: **a) Pantai Awam :** Anjakan bangunan = 87m (290’) merangkumi: • 60m (197’) zon pantai; • 6.1m (20’) laluan siar kaki; • 15.2m (50’) jalan perkhidmatan; • 6.1m(20’) anjakan bangunan. **b) Bukan Pantai Awam :** Anjakan bangunan = 66m (220’) merangkumi: • 60m (197’) zon pantai; • 6.1m(20’) anjakan bangunan. • Laluan awam ke kawasan pesisiran pantai selebar minimum 6.1m (20’) perlu disediakan dengan jarak maksimum 100m (328’) antara satu laluan awam dengan yang lain dan perlu bersambung dengan pembangunan melalui laluan promenade pesisir pantai dan dataran utama.		

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG





PELAN LOKASI

PETUNJUK

Sempadan

- Zon Larangan Tangkapan Ikan
- Sempadan Taman Laut
- Sempadan Negeri
- Sempadan PBT/ Daerah
- Sempadan BP
- Sempadan BPK
- Sempadan BPK 7.3



BPK	NAMA	MUKIM	KELUASAN
7.3	ZON LARANGAN TANGKAPAN IKAN DAN ZON TAMAN LAUT	-	7,583.89 HEKTAR

KOLUM I KELAS/AKTIVITI UTAMA	KOLUM II AKTIVITI YANG DIBENARKAN	KOLUM III AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		KOLUM IV AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	KOLUM V LAIN-LAIN SYARAT
		AKTIVITI	SYARAT		
J_BADAN AIR	**J1_Semula Jadi** J1.4_Laut J1.5_Taman Laut J1.6_Zon Larangan Tangkapan Ikan	**E_Tanah lapang dan Rekreasi** E2_Kemudahan Sukan Dan Rekreasi E2.5_Kemudahan Rekreasi Pelancongan	• Paton/Jeti terapung adalah dibenarkan untuk aktiviti eko-pelancongan. • Aktiviti rekreasi air yang pasif dan tidak menimbulkan pencemaran atau impak negatif adalah dibenarkan, tertakluk kepada piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan.	• Selain Aktiviti Yang Dinyatakan Di Kolum I, II & III	• **Tidak Dibenarkan** sebarang aktiviti penambakan dan tebus guna tanah kerana zon ini (KSAS Tahap 1) berkepentingan dari segi ➢ Pemuliharaan ekosistem hidupan marin akuatik – kawasan Taman Laut (Pulau Undan, Dodol dan Nangka) ➢ Zon Pemeliharaan; ➢ Zon Larangan Tangkap Ikan, Pulau Besar • Semua pemajuan/pembangunan perlu mengikut ketetapan akta dan garis panduan/ piawaian semasa yang diguna pakai oleh PBN, PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan. ➢ Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka. ➢ Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara Ke-2 ➢ Garis Panduan Perancangan dan Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS Pesisiran Pantai, JPBD, 2014 (GP007-A(3). ➢ Peraturan-peraturan Zon Perlindungan dan Zon Penampan Bagi Kawasan Sumber Air (Negeri Melaka) 2020. ➢ Lain-lain garis panduan yang berkaitan.
		F_Pengangkutan F2_Pengangkutan Air	• Aktiviti '*islands hopping*' dan pelayaran pelancongan adalah dibenarkan, tertakluk kepada piawaian dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBPT dan agensi teknikal yang berkaitan.		

BAHAGIAN C

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

C1 PENGENALAN

Penyediaan garis panduan untuk kawalan pembangunan akan menjadi panduan kepada pihak Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) semasa memproses dan meluluskan permohonan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak pemaju dan individu. Garis panduan ini meliputi pelbagai aspek antaranya ialah kawalan pembangunan, aktiviti pembangunan yang dibenarkan di dalam sesebuah blok perancangan, keperluan penyediaan kemudahan masyarakat dan kawasan lapang, anjakan bangunan, keperluan tempat letak kereta dan sebagainya.

Laporan ini hanya memperincikan Garis Panduan Khusus (GPK) yang menjurus kepada beberapa sektor kajian dan kawasan tumpuan yang memerlukan satu garis panduan perancangan khas yang sesuai.

Bagi menjalankan pembangunan dan perancangan untuk pembangunan dalam kawasan kajian, pihak pemaju, individu mahupun agensi yang berkepentingan hendaklah merujuk kepada piawaian perancangan dan garis panduan yang telah disediakan dan diguna pakai pada masa kini iaitu:

1. Garis Panduan Perancangan (GPP) yang disediakan oleh PLANMalaysia; dan
2. Garis panduan dan manual lain yang dikeluarkan oleh jabatan dan agensi teknikal yang berkenaan.

Garis Panduan Pembangunan terbahagi kepada dua iaitu Garis Panduan Umum dan Garis Panduan Khusus. Garis Panduan Umum terdiri daripada garis panduan, manual dan piawaian perancangan yang telah disediakan oleh agensi yang berkenaan dan sememangnya diguna pakai pada ketika ini. Oleh itu, ia perlu dirujuk dalam membuat pembangunan dan pemajuan dalam daerah.

Jadual di bawah menyenaraikan Garis Panduan Umum yang perlu dirujuk mengikut bidang tertentu dan jenis pembangunan yang berkaitan.

Jadual C1 SENARAI SEMAK SEKTOR-SEKTOR STRATEGIK RT MP MAJLIS PERBANDARAN JASIN 2035 (PENGGANTIAN) DENGAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN PLANMALAYSIA

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PLANMALAYSIA (RUJUKAN SEKTORAL STRATEGIK)		TERAS											
		KELESTARIAN PEMBANGUNAN FIZIKAL			KESEJAHTERAAN RAKYAT			PEMERKASAAN EKONOMI				KEBERKESANAN & KETERSEDIAAN PRASARANA	
		01	02	03	04	05	06	07	08	09	10	11	12
		PERANCANGAN FIZIKAL GUNA TANAH	REKA BENTUK BANDAR, PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN & LANDSKAP	PENGURUSAN ALAM SEKITAR, SUMBER ALAM & RISIKO BENCANA	PERUMAHAN	PETEMPATAN DESA	KEMUDAHAN MASYARAKAT, INSTITUSI & REKREASI	PERTANIAN, PENTERNAKAN & PERIKANAN	PELANCONGAN	PERINDUSTRIAN	PERNIAGAAN & PERKHIDMATAN	INFRASTRUKTUR & UTILITI	PENGANGKUTAN & PENGURUSAN LALU LINTAS
GARIS PANDUAN PERANCANGAN PLANMALAYSIA													
1	Garis Panduan Perancangan Perumahan	●			●								
2	Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan	●									●		
3	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Bercampur Menegak *(Vertical)* di Zon Komersial	●									●		
4	Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat						●						
5	Garis Panduan Perancangan Taman Tema								●		●		
6	Garis Panduan Perancangan Chalet Atas Air								●		●		
7	Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang	●					●						
8	Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau		●		●	●							
9	Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti											●	
10	Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar *(Urban Regenaration)*	●	●		●					●	●		●
11	Garis Panduan Perancangan Papan Tanda Premis Perniagaan		●								●		
12	Garis Panduan Perancangan Lorong Belakang		●										
13	Garis Panduan Pelaksanaan Bandar Sihat Mesra Pejalan Kaki *(Healthy Walkable City)*		●										
14	Reka Bentuk Bandar Selamat- Garis Panduan Pemasangan CCTV di Premis Perniagaan dan Tempat Awam		●										
15	Reka Bentuk Bandar Selamat- Panduan Pelaksanaan Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor: Pemasangan Tinggak Jalan dan Rel Penghadang		●										●
16	Reka Bentuk Bandar Selamat- Panduan Pelaksanaan *Crime Prevention Through Enviromental Design (CPTED)*		●										
17	Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau: Penyediaan Laluan Basikal												●
18	Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau: Pembangunan Kebun Kejiranan				●	●		●					
19	Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau: Program Pengkomposan Sisa							●					
20	Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	●		●									
21	Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi												
22	Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia			●									
23	Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan												●
24	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)												●

Hanya Garis Panduan Khusus yang akan diterangkan dengan terperinci dalam laporan ini, di mana ia adalah lebih spesifik dan tidak dinyatakan dalam garis panduan sedia ada yang bersifat umum. Ia disediakan atas dasar untuk memandu arah pembangunan bagi Daerah Jasin dan menjadi rujukan khusus bagi cadangan atau inisiatif pembangunan yang dikemukakan dalam Jilid 1.

Berikut dinyatakan perkaitan antara garis panduan khusus yang disediakan dan aspek pembangunan yang berkaitan.

Jadual C2 SENARAI GARIS PANDUAN KHUSUS DALAM KAJIAN RT MAJLIS PERBANDARAN JASIN 2035 (PENGGANTIAN)

	TERAS DAN SEKTORAL STRATEGIK	GARIS PANDUAN KHUSUS
	KELESTARIAN PEMBANGUNAN FIZIKAL	
1	PERANCANGAN FIZIKAL GUNA TANAH	**Rujuk Bahagian B (Blok Perancangan & Kelas Kegunaan Tanah)**
2	REKA BENTUK BANDAR, PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN & LANDSKAP	• Garis Panduan Khusus Gerbang Masuk • Garis Panduan Khusus Koridor Hijau dan Reruang Awam • Garis Panduan Khusus Taman Selingan • Garis Panduan Khusus Bandar Selamat • Garis Panduan Khusus Pencahayaan Bandar • Garis Panduan Khusus Pemeliharaan Bangunan Warisan • Garis Panduan Khusus Mural Warisan • Garis Panduan Khusus Seni Awam Bandar
3	PENGURUSAN ALAM SEKITAR, SUMBER ALAM & RISIKO BENCANA	• Garis Panduan Khusus Kawalan Bau Busuk Ladang Ayam • Garis Panduan Khusus Pemulihan dan Peningkatan Kualiti Sungai Merlimau • Garis Panduan Khusus Empangan Jus dan Empangan Asahan
	KESEJAHTERAAN RAKYAT	
4	PERUMAHAN	• Garis Panduan Khusus Perumahan Transit Alternatif
5	PETEMPATAN DESA	• Garis Panduan Khusus Perkampungan Warisan
6	KEMUDAHAN MASYARAKAT, INSTITUSI & REKREASI	• Garis Panduan Khusus Kawasan Rekreasi
	PEMERKASAAN EKONOMI	
7	PERTANIAN, PENTERNAKAN & PERIKANAN	• Garis Panduan Khusus Pelaksanaan Projek Pertanian
8	PELANCONGAN	• Garis Panduan Khusus Pembangunan Pelancongan di HSK • Garis Panduan Khusus Pembangunan *Homestay* • Garis Panduan Khusus Pengurusan *Glamping*
9	PERINDUSTRIAN	
10	PERNIAGAAN & PERKHIDMATAN	• Garis Panduan Khusus Komersial Pesisir Pantai • Garis Panduan Khusus Perniagaan Berasaskan Food Truck
	KEBERKESANAN & KETERSEDIAAN PRASARANA	
11	INFRASTRUKTUR & UTILITI	• Garis Panduan Khusus Sistem Perparitan dan Saliran • Garis Panduan Khusus Sistem Pembetungan dan Rawatan Kumbahan
12	PENGANGKUTAN & PENGURUSAN LALU LINTAS	• Garis Panduan Khusus Laluan dan Kemudahan Basikal

C2 GARIS PANDUAN KHUSUS REKA BENTUK BANDAR, PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DAN LANDSKAP

C2.1 GARIS PANDUAN KHUSUS GERBANG MASUK

A. LOKASI

Terdapat 7 pintu masuk negeri dan 5 pintu masuk daerah yang perlu diambil tindakan. 5 pintu masuk negeri perlu dinaik taraf dan selebihnya merupakan cadangan baharu. 3 cadangan baharu bagi pintu masuk daerah dan selebihnya perlu dinaik taraf.

B. KOMPONEN CADANGAN PINTU MASUK NEGERI DAN DAERAH

1. Reka bentuk pintu masuk yang dilengkapi dengan elemen atau simbolik kawasan pentadbiran Negeri Melaka dan Majlis Perbandaran Jasin, mudah difahami dan seragam.
2. Reka bentuk yang sinonim dengan imej tanjak melambangkan warisan dan tradisi Negeri Melaka.
3. Struktur yang kukuh dan dilengkapi dengan landskap hiasan.
4. Saiz pintu masuk yang besar dan jelas serta tidak menghalang ketinggian kenderaan.
5. Papan tanda "Selamat Datang" bagi mengalu-alukan kedatangan pengunjung.
6. Pencahayaan untuk tujuan keselamatan dan memandu arah terutama pada waktu malam.
7. Dilengkapi dengan sistem tenaga solar bagi pencahayaan pada waktu malam.

Illustrasi perspektif struktur pintu masuk negeri berkonsepkan tengkolok simbolik dan reka bentuk yang minimal.

Rajah C1 LOKASI CADANGAN BAHARU DAN NAIK TARAF GERBANG MASUK KAWASAN RT MP JASIN 2035 (P)

C2.2 GARIS PANDUAN KHUSUS KORIDOR HIJAU DAN RERUANG AWAM

A. KORIDOR HIJAU

- Pengintegrasian laluan pejalan kaki dan trek basikal di sepanjang koridor hijau ke reruang awam dan taman selingan.
- Sirkulasi koridor hijau yang mudah dan berterusan tanpa sebarang halangan.
- Penyediaan tonggak jalan bagi mengelak penggunaan kenderaan bermotor di koridor hijau.
- Komponen penunjuk arah yang mudah dilihat untuk membantu memandu arah pejalan kaki dan berbasikal ke lokasi-lokasi tumpuan awam dan rekreasi.
- Mempunyai seni awam menarik dan dilengkapi kawasan tempat duduk untuk kemudahan seluruh golongan masyarakat.
- Papan tanda yang jelas untuk setiap tempat-tempat tumpuan awam di samping penggunaan papan tanda yang menarik dan informatif.
- Permukaan laluan yang rata dan selamat untuk pejalan kaki, berbasikal mahupun OKU.
- Landskap yang menarik dan redup di sepanjang koridor rekreasi supaya pengguna dapat berteduh daripada cahaya matahari.
- Dilengkapi dengan tiang lampu di sepanjang laluan pejalan kaki untuk meningkatkan pencahayaan dan keselamatan pada waktu malam.

B. REKA BENTUK RERUANG AWAM

- Berkonsepkan kehijauan dan mempunyai daya tarikan tumpuan awam.
- Dilengkapi dengan tempat duduk yang mencukupi bertujuan untuk keselesaan dan sebagai tempat rehat orang awam.
- Reruang awam mestilah tidak terhalang dari sebarang objek fizikal bertujuan untuk meningkatkan pengawasan secara semula jadi dan keselamatan.
- Dilengkapi dengan pencahayaan yang mencukupi bagi meningkatkan tahap keselamatan. Di samping menghidupkan suasana malam di pusat bandar.
- Menyediakan landskap lembut di setiap reruang awam bertujuan untuk memberi teduhan daripada cahaya matahari dan juga mewujudkan unsur-unsur mesra alam dan memberi ketenangan minda.

Rajah C2 LOKASI KORIDOR HIJAU DAN TAMAN SELINGAN DI BANDAR JASIN

C2.3 GARIS PANDUAN KHUSUS TAMAN SELINGAN

- Ditempatkan di sudut persimpangan atau lebihan lot bangunan untuk kegunaan pejalan kaki dan berbasikal.
- Saiz taman selingan: minimum 20’ x 20’
- Jarak antara taman selingan yang dibina mestilah berdekatan antara satu sama lain untuk mewujudkan jaringan perlindungan hijau melalui reka bentuk bandar.
- Terletak di lokasi yang mudah dilihat dan mudah akses melalui laluan pejalan kaki, jalanraya dan bangunan.
- Kawasan *pocket park* yang paling sesuai adalah kawasan yang mempunyai *volume* trafik pejalan kaki yang tinggi.
- Ketinggian *platform* yang berbeza dengan laluan pejalan kaki dengan anjakan ketinggian minimum 10cm bagi mewujudkan perbezaan kawasan dan aktiviti.
- Ruang yang fleksibel untuk menggalakkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan serta tempat berkumpul orang ramai.
- Menyediakan kemudahan seperti tempat duduk, landskap teduhan, papan tanda informasi, tong sampah dan *bike rack* untuk pejalan kaki dan pengguna basikal.

JARAK	KOMPONEN KEMUDAHAN DI TAMAN SELINGAN						
	Wakaf	Tempat Duduk	Rak Basikal	Lampu	*“Water Cooler”*	Tong Sampah	Papan Informasi
100 meter		✓		✓		✓	
400 meter	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

- Menyediakan ruang landskap selingan di jajaran laluan pejalan kaki dan trek basikal.
- Menyediakan ruang khusus untuk pejalan kaki dan pengguna basikal untuk berehat dan berteduh.
- Sebagai langkah mengaplikasikan elemen hijau disamping mewujudkan budaya bandaraya rendah karbon.
- Merupakan satu inisiatif ke arah reka bentuk bandar selamat (CPTED) iaitu mewujudkan ruang awam di setiap penjuru jalan.

Taman selingan dengan kemudahan tempat duduk dan persekitaran yang redup

Ketinggian platform yang membezakan ruang taman selingan dengan laluan pejalan kaki

Kemudahan rak basikal di ruang taman selingan mini

C2.4 GARIS PANDUAN KHUSUS BANDAR SELAMAT

A. LALUAN SEJAGAT

- Penyediaan laluan sejagat hendaklah menepati kelebaran minimum 1500mm hingga maksimum 3000mm untuk kegunaan pejalan kaki dan pengguna kerusi roda.
- Sekiranya laluan tersebut tidak mempunyai *curb, k*etinggian laluan tersebut hendaklah maksimum 10mm perbezaan dengan jalan bersebelahan.
- *Guiding blocks/tactile blocks* hendaklah disediakan di laluan utama pejalan kaki sebagai pemandu arah.
- Jarak setiap *bollard* adalah minimum 900mm dan maksimum 1200mm untuk memberi laluan kepada pengguna kerusi roda.
- *Step ramp/dropped curb* hendaklah mempunyai warna dan tekstur yang berbeza dengan laluan pejalan kaki bersebelahan dan permukaannya hendaklah tidak licin.
- Lampu isyarat hendaklah mempunyai *visual* and *audio signals* untuk memberi panduan kepada individu untuk melintas jalan.

B. LALUAN OKU

- Laluan OKU mestilah disediakan tanpa sebarang halangan fizikal untuk memberi akses secara terus ke bangunan, tempat letak kereta, kawasan rekreasi dan sebagainya.
- Laluan OKU mestilah dilengkapi pencahayaan yang mencukupi dan menyeluruh, turapan yang rata, serap air dan tidak licin bersesuaian dengan keadaan cuaca.
- Saiz laluan OKU hendaklah sesuai untuk semua pengguna termasuk pengguna kerusi roda. Minimum lebar saiz laluan OKU adalah 1.5 meter dan maksimum bagi laluan di perhentian bas dan teksi atau tempat melintas jalan adalah 3 meter.
- Sekiranya *curb* tidak disediakan di laluan OKU, perbezaan maksimum ketinggian laluan dengan jalan bersebelahan mestilah 10 milimeter.
- *Tactile* mestilah disediakan di laluan utama pejalan kaki bagi memandu arah orang cacat penglihatan.
- Minimum jarak antara tonggak jalan *(Bollard)* yang disediakan sepanjang laluan pejalan kaki mestilah 0.9 meter hingga 1.2 meter bertujuan untuk memberi laluan kepada pengguna kerusi roda.
- Memasang tanda amaran berbunyi/ berlampu di kawasan-kawasan merbahaya atau kawasan pembinaan untuk keselamatan pengguna laluan pejalan kaki dan OKU.
- Penutup longkang/parit hendaklah tidak licin dan sama rata dengan permukaan laluan pejalan kaki. Maksimum bukaan lubang di antara penutup longkang/parit adalah 13 milimeter.
- Perabot jalan seperti pokok, pasu bunga, tiang lampu, papan tanda dan kerusi/bangku hendaklah diletakkan di tepi laluan pejalan kaki supaya tidak mengganggu atau menghalang pergerakan individu.
- Laluan OKU hendaklah tidak dikongsi dengan penggunaan basikal bagi menjamin keselamatan OKU.

Lebar laluan yang bersesuaian bagi pengguna kerusi roda dan OKU

Permukaan yang selamat di setiap lintasan jalan

Rekabentuk ramp berpenghadang

Penyediaan kemudahan dengan ketinggian yang mudah akses

C. TRAFFIC CALMING

- Tumpuan lokasi adalah di setiap kawasan lintasan utama untuk pejalan kaki, berbasikal dan OKU. Kebiasaannya disediakan pada laluan sehala dan juga laluan yang mempunyai isipadu lalu lintas yang tinggi.
- *Traffic calming* melibatkan perubahan pada penjajaran jalan bagi mengurangkan kelajuan dan isipadu lalu lintas di samping meningkatkan keselamatan di jalan raya.
- Bertekstur, diwarnakan atau permukaan yang bertanda menggunakan bahan-bahan turapan untuk menghasilkan permukaan yang tidak sekata terhadap pergerakan kenderaan adalah dibenarkan.
- Bahan turapan untuk laluan pejalan kaki digunakan di lintasan pejalan kaki tujuan untuk memberi amaran kepada pengguna jalan mengurangkan kelajuan kenderaan.
- Bonggol jalan dibenarkan di kawasan lalu lintas pejalan kaki yang tinggi tujuan untuk mengurangkan kelajuan kenderaan serta memberi laluan kepada orang OKU untuk melintas jalan.

D. HENTIAN BAS

- Aras lantai hentian bas hendaklah sama tinggi dengan aras lantai bas untuk memudahkan semua golongan individu menaiki atau menuruni bas.
- Kerusi/bangku yang selamat, selesa dan dari bahan yang sesuai hendaklah disediakan di hentian bas.
- Reka bentuk hendaklah memudahkan bas untuk berhenti bersebelahan dengan *curb* untuk mengambil penumpang.

Gambaran ketinggian aras lantai yang mudah akses untuk menaiki bas.

C2.5 GARIS PANDUAN KHUSUS PENCHAYAAN BANDAR

- Semua hiasan lampu mestilah bersesuaian dengan seni bina dan struktur bangunan.
- Harmoni dari segi rekabentuk, warna dan cahaya yang dihasilkan.
- Penyediaan lampu yang diletakkan pada dinding-dinding hendaklah digunakan pada kadar berpatutan bagi mengurangkan jumlah penggunaan lampu berkedudukan tegak.
- Elemen-elemen lampu bangunan dan pada pagar taman rekreasi mestilah menggunakan lampu yang tahan lama, efektif dan menarik.
- Menyediakan orientasi lampu yang betul dalam kawasan laluan pejalan kaki dan meningkatkan pengenalpastian yang cepat dan tepat bagi jalan-jalan dan kawasan tumpuan lain.
- Menyediakan pencahayaan di lintasan jalan bagi pejalan kaki bertujuan untuk memudahkan pejalan kaki mengenalpasti sebarang objek yang merbahaya atau halangan di atas jalanraya.
- Menyediakan pencahayaan pada permukaan yang mendatar untuk pencahayaan yang mencukupi untuk pejalan kaki.
- Meningkatkan pencahayaan di taman tasik terutama di sekitar kawasan cadangan menara tinjau dan tepian tasik.

Gambaran pencahayaan Pusat Bandar Jasin.

Contoh pencahayaan pokok-pokok di Taman Muhibbah dan laluan pejalan kaki.

Contoh pencahayaan kanopi.

Pencahayaan pada reruang awam dan taman selingan.

C2.6 GARIS PANDUAN KHUSUS PEMELIHARAAN BANGUNAN WARISAN

C2.6.1 GARIS PANDUAN PEMELIHARAAN DERETAN PERKEDAIAN WARISAN

Jadual C3 KATEGORI PEMELIHARAAN STRUKTUR BANGUNAN WARISAN

	KATEGORI 1	KATEGORI 2	KATEGORI 3	KATEGORI 4
CIRI-CIRI SENIBINA	▪ Fasad asal perlu dikekalkan ▪ Segala ukiran pada dinding fasad berserta 'tiang' perlu dikemaskini dan diperbaiki.	▪ Rupabentuk fasad perlulah berdasarkan senibina bangunan asal.	▪ Rupabentuk fasad perlu mengikut ciri-ciri senibina warisan yang menonjol di bangunan yang berdekatan dan di dalam kawasan lindungan pembangunan.	▪ Struktur-struktur sementara atau struktur landskap perlulah mengambilkira ciri-ciri warisan.
PEMBUKAAN PADA DINDING	▪ Tiada perubahan melainkan pembaikpulihan dari bahan yang asal atau setara dengannya.	▪ Tiada pengubahan pada pembukaan dinding asal ▪ Dinding baru atau tambahan perlu mengikut dimensi rekabentuk asal	▪ Dinding baru/tambahan perlu mengikut dimensi bangunan warisan yang bersebelahan dengannya ataupun yang berdekatan dengan kawasan lingkungan pembangunan.	-
TINGKAP/ PINTU	▪ Tiada perubahan melainkan pembaikpulihan dari bahan yang asal atau setara dengannya.	▪ Perlu mengemaskini pintu dan tingkap asal. ▪ Pembinaan tingkap baru/ pintu perlulah mengikut rekabentuk asal atau setara dengannya.	▪ Perlu mengambil kira rekabentuk tingkap warisan yang bersebelahan dengannya atau berdekatan dengan kawasan lingkungan pembangunan.	-
BUMBUNG	▪ Tiada perubahan melainkan pembaikpulihan dari bahan yang asal atau setara dengannya.	▪ Bumbung bangunan perlulah terdiri daripada rekabentuk warna dan bahan binaan bangunan yang asal.	▪ Bumbung bangunan perlulah terdiri daripada rekabentuk warna dan bahan binaan bangunan warisan bersebelahan dengannya berdekatan dengan kawasan lingkungan pembangunan.	-

PEMULIHARAAN STRUKTUR BANGUNAN



KAWALAN KETINGGIAN BANGUNAN

C2.6.2 GARIS PANDUAN REKA BENTUK DAN WARNA BANGUNAN DI ZON PEMELIHARAAN BANGUNAN WARISAN

A. REKA BENTUK

- Bangunan baharu yang dibina di dalam Zon Warisan hendaklah menerapkan ciri-ciri senibina bangunan warisan yang dominan di kawasan tersebut.
- Ubahsuai bangunan warisan di dalam Zon Warisan juga hendaklah mengekalkan ciri-ciri senibina asal sedapat mungkin.
- Pembinaan bangunan baharu di luar Zon Warisan dibenarkan untuk menerapkan rekabentuk moden kontemporari dengan galakan kepada pemakaian ciri-ciri bangunan hijau.

B. PENYERAGAMAN PAPAN TANDA

- Papan tanda perlu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Papan tanda yang diletakkan hendaklah tidak menutup fasad dan estetika bangunan.



Contoh perletakan papan tanda

C. PENGGUNAAN CAT DAN WARNA YANG SESUAI

- Skim warna bagi bangunan warisan hendaklah dari warna tona bumi *(earth tone).*

- **Warna Kedai Lama** yang dicadangkan adalah kombinasi warna pastel kuning dan hijau.

Contoh penggunaan warna pada bangunan dan warna lembut yang dibenarkan untuk mengecat bangunan warisan

C2.7 GARIS PANDUAN KHUSUS MURAL WARISAN

- Paparan mural hendaklah bertemakan warisan dan melambangkan budaya masyarakat tempatan Daerah Jasin. Dicadangkan setiap mural mempunya pantun dan ikon tanjak Jasin.
- Ditempatkan di lokasi yang mudah dilihat dan mempunyai *volume* pejalan kaki yang tinggi.
- Menyediakan pencahayaan pada waktu malam bagi menyerlahkan visual yang menarik sekali gus menjana aktiviti di sekitarnya.
- Setiap mural warisan dilengkapi dengan kod QR bertujuan untuk paparan penerangan mural secara atas talian.
- Penggunaan cat mestilah tidak menjejaskan dinding atau struktur bangunan perkedaian Bandar Jasin.
- Penggunaan warna mural mestilah ceria dan tidak mudah luntur.

Gambaran mural bercirikan warisan di perkedaian Pusat Bandar Jasin.

C2.8 GARIS PANDUAN KHUSUS SENI AWAM BANDAR

- Seni awam hendaklah mempunyai ciri-ciri menarik dan mampu menjana minat dan aktiviti.
- Seni awam harus ditempatkan di kawasan tumpuan awam atau lokasi yang mempunyai *volume* pejalan kaki yang tinggi.
- Boleh memberikan tafsiran seni awam yang fokus kepada budaya, sejarah atau mempunyai kepentingan alam.
- Seni awam mestilah tidak menghalang jalan masuk dan tidak menghalang peredaran pejalan kaki.
- Seni awam juga boleh berfungsi sebagai tempat duduk, tempat bermain atau lokasi bergambar.
- Saiz laluan pejalan kaki yang mempunyai seni awam hendaklah minimum 4 meter lebar supaya struktur seni awam tidak menghalang pergerakan pejalan kaki.



Gambaran perletakan objek seni awam pada laluan pejalan kaki. Seni awam hendaklah tidak menghalang pergerakan pejalan kaki.

C3 GARIS PANDUAN KHUSUS PENGURUSAN ALAM SEKITAR, SUMBER ALAM DAN RISIKO BENCANA

C3.1 GARIS PANDUAN KHUSUS PENETAPAN JARAK ZON PERLINDUNGAN BAGI KAWASAN SUMBER AIR

Kawasan yang terlibat bagi kawasan sumber air ialah Empangan Jus dan Empangan Asahan.

Jadual C4 ZON PERLINDUNGAN BAGI KAWASAN SUMBER AIR

BIL.	NAMA KAWASAN	DAERAH	KELUASAN	JARAK PERLINDUNGAN
1.	Empangan Durian Tunggal	Alor Gajah	580 hektar	• Tanah Hak milik Persendirian : 10-50 meter dari sempadan tanah empangan. **(Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri)** • Tanah Kerajaan : 50 meter dari sempadan tanah empangan. **(Mengikut kontur tanah)**
2.	Empangan Jus	Jasin	535 hektar	
3.	Empangan Asahan	Jasin	85 hektar	
4.	Kolam Durian Tunggal I	Melaka Tengah	62 ekar	
5.	Kolam Durian Tunggal II	Melaka Tengah	30 ekar	
6.	Kolam Tebat, Chincin	Jasin	24 hektar	
7.	Kolam Kesang I	Jasin	11.831 hektar	

A. KATEGORI PENTERNAKAN

JENIS SUMBER AIR	KETERANGAN	JARAK KAWASAN PENAMPAN YANG MINIMUM DITETAPKAN
Kolam Takungan dan Tasik	Kegunaan Tadahan Air/ Kolam Alternatif	• 50 meter dari sempadan tanah bagi ternakan unggas ≤ 10,000 ekor dan haiwan berkaki empat ≤ 50 ekor kecuali babi • 100 meter dari sempadan tanah bagi ternakan unggas ≥ 10,001 ekor dan haiwan berkaki empat ≥ 51 ekor kecuali babi • Lain-lain syarat bagi kawalan pencemaran.
	Rekreasi atau Lain-lain kegunaan	• 20 meter dari tebing atau sempadan tanah sumber air bagi semua jenis ternakan dengan syarat tiada aliran air sisa ke Kolam Takungan dan Tasik. • Lain-lain syarat bagi kawalan pencemaran.
Sungai dan alur air (Upstream Intake)	Kelebaran sungai antara tebing melebihi 40 meter	55 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 20 meter sehingga 40 meter	45 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 10 meter sehingga 20 meter	25 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 1 meter sehingga 10 meter	15 meter
Sungai dan alur air (Downstream Intake)	Kelebaran sungai antara tebing melebihi 40 meter	50 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 20 meter sehingga 40 meter	40 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 10 meter sehingga 20 meter	20 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 1 meter sehingga 10 meter	10 meter
Pantai Berpasir	Unggas dan Lain-lainTernakan	100 meter dari paras air pasang perbani
	Babi	1.5 km dari paras air pasang perbani
Pantai Berlumpur	Unggas dan Lain-lainTernakan	50 meter dari paras air pasang perbani

B. KATEGORI PERLOMBONGAN

JENIS SUMBERAIR	KETERANGAN	JARAK KAWASAN PENAMPAN YANG MINIMUM DITETAPKAN
Kolam Takungan dan Tasik	Kegunaan Tadahan Air	300 meter dari sempadan tanah kolam takungan/ tasik
	Rekreasi atau Lain lain kegunaan	100 meter dari tebing atau sempadan tanah sumber air
Sungai dan alurair (Upstream Intake) Tiada sebarang aktiviti perlombongan pasir sungai dibenarkan di dalam jarak 10 km dari mukasauk loji rawatanair.	Kelebaran sungai antara tebing melebihi 40 meter	55 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 20 meter sehingga 40 meter	45 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 10 meter sehingga 20 meter	25 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 1 meter sehingga 10 meter	15 meter
Sungai dan alurair (Downstream Intake)	Kelebaran sungai antara tebing melebihi 40 meter	50 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 20 meter sehingga 40 meter	40 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 10 meter sehingga 20 meter	20 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 1 meter sehingga 10 meter	10 meter
Pantai Berpasir		100 meter
Pantai Berlumpur		50 meter

C. KATEGORI PERTANIAN DAN PERLADANGAN

JENIS SUMBER AIR	KETERANGAN	JARAK KAWASAN PENAMPAN YANG MINIMUM DITETAPKAN
Kolam Takungan dan Tasik	Kegunaan Tadahan Air	40 meter
	Rekreasi atau Lain-lain kegunaan	30 meter
Sungai dan alur air *(Upstream Intake)*	Kelebaran sungai antara tebing melebihi 40 meter	45 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 20 meter sehingga 40 meter	40 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 10 meter sehingga 20 meter	25 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 1 meter sehingga 10 meter	15 meter
Sungai dan alurair (Downstream Intake)	Kelebaran sungai antara tebing melebihi 40 meter	40 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 20 meter sehingga 40 meter	30 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 10 meter sehingga 20 meter	15 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 1 meter sehingga 10 meter	10 meter
Pantai Berpasir	Tanaman Kontan	30 meter
	Peladangan	40 meter
Pantai Berlumpur	Tanaman Kontan	20 meter
	Peladangan	30 meter

D. KATEGORI PERIKANAN

(Semua Kolam Akuakultur Air Tawar atau Air Masin di Negeri Melaka perludilengkapi dengan Kolam Rawatan Sisa dan Kolam Enapan)

JENIS SUMBER AIR	KETERANGAN	JARAK KAWASAN PENAMPAN YANG MINIMUM DITETAPKAN
Kolam Takungan dan Tasik	Kegunaan Tadahan Air	50 meter
	Rekreasi atau Lain - lainkegunaan	30 meter
Sungai dan alur air *(Upstream Intake)*	Semua kelebaran sungai	• Tiada lagi pembukaan kolam ikan baru dibenarkan di Upstream Muka Sauk sekitar sungai. • **<u>Kawalan Sedia ada</u>** – 1-10 kilometer upstream dari Muka Sauk:40 meter dari tebing sungai/alur air. – > 10 kilometer dari Muka Sauk: 20 meterdari tebing sungai/alur air.
Sungai dan alurair *(Downstream Intake)*	Semua kelebaran sungai	• Pembukaan kolam ikan baru di sarankan dibina di kawasan Downstream Muka Sauk loji rawatan air. • 20 meter dari tebing sungai/ alur air
Pantai Berpasir	<10 hektar	30 meter
	≥10 hektar	20 meter
Pantai Berlumpur	<10 hektar	20 meter
	≥10 hektar	30 meter

E. KATEGORI PEMBANGUNAN DAN INDUSTRI

JENIS SUMBER AIR	KETERANGAN	JARAK KAWASAN PENAMPAN YANG MINIMUM DITETAPKAN
Kolam Takungan dan Tasik	Kegunaan Tadahan Air	30-100 meter dari sempadan tanah kolam takungan/tasik dengan dilengkapi sistem kawalan kelodak. **(Bergantung kepada jenis pembangunan dan keluasan kawasan)**
	Rekreasi atau Lain-lainkegunaan	20 meter dari tebing atau sempadan tanah sumber air dengan dilengkapi sistem kawalan kelodak.
Sungai dan alur air *(Upstream Intake)*	Kelebaran sungai antaratebing melebihi 40 meter	50 meter
	Kelebaran sungai antaratebing di antara 20 meter sehingga 40 meter	45 meter
	Kelebaran sungai antaratebing di antara 10 meter sehingga 20 meter	25 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 1 metersehingga 10 meter	15 meter
Sungai dan alur air *(Downstream Intake)*	Kelebaran sungai antaratebing melebihi 40 meter	40 meter
	Kelebaran sungai antaratebing di antara 20 meter sehingga 40 meter	30 meter
	Kelebaran sungai antaratebing di antara 10 meter sehingga 20 meter	15 meter
	Kelebaran sungai antara tebing di antara 1 metersehingga 10 meter	10 meter
Pantai Berpasir	Semua Jenis Pembangunan	60 meter
Pantai Berlumpur		100 meter

C3.2 GARIS PANDUAN KHUSUS KAWALAN BAU BUSUK LADANG AYAM

- Jarak kawasan penampan yang minimum ditetapkan untuk kegunaan tadahan air/kolam alternatif adalah 50 meter dari sempadan tanah bagi ternakan unggas ≤ 10, 000 ekor dan 100 meter dari sempadan tanah bagi ternakan unggas ≤ 10, 001 ekor serta lain-lain syarat bagi kawalan pencemaran.
- Jarak kawasan penampan yang minimum ditetapkan untuk rekreasi atau lain-lain kegunaan adalah 20 meter dari tebing atau sempadan tanah sumber air bagi semua jenis ternakan dengan syarat tiada aliran air sisa ke kolam takungan dan tasik serta lain-lain syarat bagi kawalan pencemaran.
- Jarak kawasan penampan yang minimum ditetapkan bagi kelebaran sungai antara tebing melebihi 40 meter adalah 50 meter.

C3.3 GARIS PANDUAN KHUSUS PEMULIHAN DAN PENINGKATAN KUALITI SUNGAI MERLIMAU

- Memerlukan projek dan program untuk peningkatan kualiti air Sungai Merlimau.
- Memantau dan mengawal aktiviti/ premis yang telah dikenal pasti sebagai sumber pencemaran setempat serta meningkatkan pematuhan terhadap keperluan penyediaan sistem rawatan dari aspek pelepasan discaj ke alur air/ sungai.
- Keutamaan adalah di Loji Rawatan Air Merlimau dan kawalan pembangunan di kawasan hulu takat pengambilan air.
- Pembangunan baharu, perluasan pembangunan sedia ada atau pengambilan sumber mineral (semua bentuk perlombongan) adalah tidak galakkan di mana Pelan Pengurusan Bersepadu perlu disediakan untuk kawasan-kawasan ini.
- Bagi melindungi kawasan Sungai Merlimau, jaluran tanah kerajaan yang bersebelahan dengan sungai perlu diwartakan sebagai rizab sungai di mana kelebarannya adalah berpandukan kelebaran minimum yang disarankan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.
- Aktiviti pembangunan sedia ada yang beroperasi tanpa lesen dan kebenaran perlu dikenal pasti dan dipertimbangkan oleh pihak berkuasa negeri untuk melalui proses pemutihan atau dipindah/dirobohkan jika mencemari sungai dan mengakibatkan kacau ganggu.

C3.4 GARIS PANDUAN KHUSUS PENGURUSAN EMPANGAN JUS DAN EMPANGAN ASAHAN

- Jarak perlindungan untuk tanah hak milik persendirian adalah 10 – 50 meter dari sempadan tanah empangan (tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri).
- Jarak perlindungan untuk Tanah Kerajaan adalah 50 meter dari sempadan tanah empangan (mengikut kontur tanah).
- Melaksanakan Pelan Tindakan Kecemasan (EAP) yang telah disediakan semasa kecemasan melibatkan kegagalan struktur yang telah dikenal pasti mengikut prosedur yang perlu diikuti untuk meminimumkan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Ini termasuk peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dan penduduk yang berisiko yang memerlukan langkah perlindungan, amaran perancangan, pemindahan dan kesiapsiagaan.
- Meningkatkan dan menyemak semula spesifikasi dan keupayaan peralatan yang tahan bencana.
- Menyediakan maklumat pangkalan data yang komprehensif di kawasan yang sering dilanda bencana.
- Menaik taraf sistem telemetrik untuk mendapatkan data masa nyata yang menghubungkan mereka kepada kemudahan pusat.
- Menaik taraf kerja-kerja berkaitan sungai.
- Mengenal pasti semua pusat pemindahan.
- Menggalakkan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan korporat melaksanakan khidmat tanggungjawab sosial korporat (CSR).
- Menyediakan profil dan bank data untuk golongan komuniti terpinggir.
- Menjalankan kerja pembaikpulihan secara selamat dan terkawal.
- Mendapatkan khidmat jurutera empangan dan menjalankan pemeriksaan keselamatan empangan.
- Kesedaran umum boleh mengurangkan impak terhadap orang di dalam kawasan limpahan dengan memberi pengetahuan terhadap situasi empangan pecah.
- Sistem komunikasi alternatif haruslah disediakan untuk membantu mempercepatkan penyampaian maklumat seperti siren kecemasan, radio dua hala *(walkie-talkie), aerial drone* (semasa cuaca cerah).



Penilaian dan Carta Alir Tindakan Kecemasan Banjir di Empangan Asahan

C4 GARIS PANDUAN KHUSUS PERUMAHAN

C4.1 GARIS PANDUAN KHUSUS PERUMAHAN TRANSIT ALTERNATIF

Perumahan Transit Alternatif merupakan program CSR Lembaga Perumahan Melaka (LPM) yang menggunapakai bangunan-bangunan kerajaan sedia ada bagi tujuan:

1. Perlindungan sementara untuk mangsa bencana.
2. Perlindungan sementara untuk gelandangan dan fakir miskin di bawah seliaan Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Melaka (JKMM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan lain-lain agensi kerajaan.
3. Perlindungan sementara untuk mangsa keganasan rumah tangga di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

A. GUNA SEMULA BANGUNAN KERAJAAN LAMA

- Memantau struktur binaan sedia ada dalam memastikan keselamatan binaan berada pada tahap yang baik.
- Bangunan usang dan terbiar turut dikawalselia supaya dibersihkan atau dibaikpulih oleh pemilik dengan kerjasama pelbagai agensi.
- Melaksanakan pemantauan dan kawalan tapak bina dari aspek keselamatan, kesihatan dan keselesaan

B. KOMPONEN KEMUDAHAN

Membangunkan kuartes JKR atau bangunan-bangunan kerajaan yang tidak digunakan sebagai perumahan transit dan dilengkapi dengan komponen-komponen berikut:

- Dilengkapi dengan perabot rumah
- Kawasan lapang dan taman permainan
- Pagar dan kawalan keselamatan
- Surau
- Tempat letak kenderaan
- Bekalan air dan elektrik

Rajah C3 LOKASI CADANGAN PERUMAHAN TRANSIT ALTERNATIF

Contoh Cadangan menaiktaraf dan membangunkan perumahan transit di kuarters JKR Jasin

C5 GARIS PANDUAN KHUSUS KAWASAN REKREASI

A. KORIDOR REKREASI

- **Pengintegrasian** laluan pejalan kaki dan trek basikal di sepanjang koridor rekreasi.
- Sirkulasi **koridor** rekreasi yang mudah dan berterusan tanpa sebarang halangan.
- Penyediaan **tonggak jalan** bagi mengelak penggunaan kenderaan bermotor di koridor rekreasi.
- Komponen **penunjuk arah** yang mudah dilihat untuk membantu memandu arah pejalan kaki dan berbasikal ke lokasi-lokasi tumpuan awam dan rekreasi.
- Mempunyai **seni awam** menarik dan dilengkapi kawasan tempat duduk untuk kemudahan seluruh golongan masyarakat.
- **Papan tanda** yang jelas untuk setiap tempat-tempat tumpuan awam di samping penggunaan papan tanda yang menarik dan informatif.
- **Permukaan** laluan yang rata dan selamat untuk pejalan kaki, berbasikal mahupun OKU.
- **Landskap** yang menarik dan redup di sepanjang koridor rekreasi supaya pengguna dapat berteduh daripada cahaya matahari.
- Dilengkapi dengan **tiang lampu** di sepanjang laluan pejalan kaki untuk meningkatkan pencahayaan dan keselamatan pada waktu malam.

Ruang awam yang selesa dan mesra OKU

Laluan yang rata dan selamat

Integrasi laluan basikal dan pejalan kaki

B. PAGAR KESELAMATAN

- **Bahan binaan** yang digunakan bagi pemasangan pagar mestilah tahan lama, teguh dan tidak menghasilkan pencemaran terhadap alam sekitar.
- **Reka bentuk** pagar tidak menggunakan struktur tiang yang tebal dan menutup pandangan dari luar.
- **Warna** pagar hendaklah neutral iaitu warna keputihan, warna kayu atau warna yang tidak terlalu menonjol dan menarik perhatian.
- Reka bentuk pagar hendaklah **selamat** dan mempunyai **akses** yang jelas dan mudah untuk pejalan kaki, berbasikal mahupun OKU.
- Minimum **ketinggian** pagar yang dibenarkan adalah 1.5 meter.
- Pemasangan **lampu** pada pagar dengan jarak antara lampu maksimum 2 meter bagi tujuan pencahayaan dan keselamatan.

Penggunaan pagar yang jelas menampakkan kawasan taman dari luar kawasan

C. TEMPAT DUDUK

- Jarak antara tempat duduk juga adalah berdasarkan kepada jarak penanaman pokok di sepanjang jalan utama di samping mewujudkan teduhan semulajadi.
- Lokasi tempat duduk yang tetap hendaklah diatur di kawasan yang mudah dilihat dan mudah akses sebagai langkah pengawasan semula jadi.
- Tempat duduk mestilah tahan lama, berfungsi, teguh, senang diuruskan dan berpatutan untuk diganti.
- Menyediakan ruang bagi tempat letak kerusi roda bersebelahan dengan tempat duduk (minimum kelebaran 1.2 meter).

C6 GARIS PANDUAN KHUSUS PELAKSANAAN PROJEK PERTANIAN

A. TAFSIRAN PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menjadi rujukan kepada mereka yang terlibat dalam pembangunan dan perlaksanaan projek-projek pertanian.

i. Matlamat pelaksanaan projek-projek pembangunan pertanian adalah:

ii. Menggalakkan pengamalan teknologi berasaskan Amalan Pertanian Baik (APB) untuk meningkatkan pengeluaran hasil yang berkualiti, selamat dimakan dan mesra alam.

iii. Meningkatkan pendapatan golongan sasar dengan sasaran pendapatan bersih sekurang-kurangnya di antara RM2,500-4,000 sebulan.

iv. Meningkatkan pengeluaran pertanian bagi memenuhi keperluan domestik dan eksport.

v. Meningkatkan bilangan usahawan dan penglibatan sektor swasta dalam pertanian.

vi. Membangunkan pertanian lestari dan mesra alam.

Bagi pelaksanaan projek pertanian diperingkat daerah terdapat Jawatankuasa Projek Pembangunan Pertanian Daerah:

Keahlian jawatankuasa ini adalah:

- Pegawai Pertanian Daerah – Pengerusi
- Penolong Pegawai Pertanian (Pengembangan) – Pengerusi Ganti.
- Penolong Pegawai Pertanian Operasi – Ahli
- Semua Ketua Pusat Pengembangan Pertanian – Ahli
- Wakil Kuasausaha Bahagian Teknikal mengikut keperluan.

Skop tugas jawatankuasa ini adalah:

a) Merancang, menyemak dan memilih kumpulan sasar yang layak.
b) Menyemak dan memilih projek yang berpotensi, berdaya maju. Membuat tapisan terhadap kawasan yang menghadapi bencana alam seperti banjir dan sebagainya serta ancaman musuh tanaman seperti gajah, babi hutan dan monyet.
c) Mencadangkan jenis insentif dan kemudahan yang sesuai untuk bantuan kepada golongan sasar bergantung kepada jenis bantuan yang disediakan.
d) Mencadangkan jenis teknologi yang sesuai digunakan oleh kumpulan sasar.
e) Mendapatkan maklumbalas projek dan menyediakan cadangan penambahbaikan.

Kriteria Projek/ Kawasan Yang Layak Diberi Insentif:

a) Projek berdaya maju dan menguntugkan.
b) Tanah milik, tanah TOL (temporary occupational lease) dan tanah kerajaan yang telah mendapat kelulusan untuk diusahakan.
c) Tanah ditapak projek sesuai dengan tanaman yang hendak dimajukan (mengikut syor Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah).
d) Mempunyai sumber air yang mencukupi.
e) Mempunyai kemudahan infrastruktur asas seperti jalan masuk, bekalan letrik, bukan kawasan banjir dan sebagainya.
f) Bagi projek fertigasi, sumber air bersih dan bekalan letrik perlu ada. Bagi kawasan yang tiada bekalan letrik, penggunaan pam/ generator atau sumber tenaga lain disesuaikan mengikut keadaan.
g) Keutamaan projek adalah berdasarkan kepada tanaman tumpuan atau mengikut kluster tanaman. Sekiranya tidak, projek yang dicadangkan perlulah mempunyai asas yang kukuh untuk diusahakan.

B. INSENTIF PERTANIAN

Insentif pertanian diberikan kepada pengusaha yang layak. Insentif pertanian adalah berbentuk insentif amalan teknologi yang meliputi pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur asas dan bahan-bahan input ladang seperti:

i. Pembersihan kawasan

ii. Pembinaan infrastruktur ladang (contohnya; kolam takungan).

iii. Sistem pengairan dan perparitan.

iv. Kemudahan air dan letrik

v. Kemudahan pagar

vi. Input pertanian

vii. Kemudahan peralatan dan mekanisasi ladang.

C. KELAYAKAN PEMOHON INSENTIF

i. Warganegara Malaysia

ii. Pengusaha sediada atau baru.

iii. Mempunyai hak milik tanah/ surat kebenaran mengguna atau sewa tanah.

iv. Keluasan tanah yang diusahakan secara berkelompok tidak kurang daripada 2 hektar untuk kelompok sayur dan 5 hektar untuk kelompok buah.

v. Telah menghadiri mana-mana kursus pertanian berkaitan.

vi. Berpengalaman dan bersedia untuk mengamalkan APB (Amalan Pertanian Baik)

vii. Pemohon yang belum pernah mendapat insentif bagi komoditi/lokasi yang sama.

viii. Pemohon hendaklah bersedia membiayai kos projek selain daripada sumbangan jabatan/kerajaan.

ix. Pemohon bersedia memberi komitmen sepenuhnya kepada pelaksanaan projek.

Urusetia Projek diperingkat Ibu Pejabat akan menerima, meneliti dan membuat perakuan permohonan projek kepada Jawatankuasa Induk Projek Projek Pembangunan Pertanian untuk kelulusan.

D. PELAKSANAAN PROJEK

i. Pemohon yang berjaya perlu menghantar borang penerimaan tawaran Jawatankuasa Projek Pembangunan Jabatan Peringkat Negeri dan menandatangani Borang Akujanji.

ii. Setiap projek mestilah mempunyai Fail Projek masing-masing yang mengandungi maklumat seperti kawasan projek, profail peserta, program pengembangan, unjuran dan pengeluaran sebenar, kos peserta, pelan bisnes, salinan kad harta modal, borang terima aset dan input pertanian dan peralatan IAT yang disahkan oleh Agen Pengembangan Kawasan (APK).

iii. Peserta dikehendaki menyediakan /mengisi Buku Rekod Ladang.

E. PEMANTAUAN PROJEK

Bimbingan dan khidmat nasihat pertanian serta pemantauan projek akan terus dilaksanakan oleh Agen Pengembangan Kawasan (APK) serta pegawai-pegawai dari ibu pejabat bagi mempastikan projek-projek dilaksanakan mengikut teknologi dan Amalan Pertanian Baik (APB) bagi mencapai matlamat pengeluaran dan kualiti hasil.

C7 GARIS PANDUAN KHUSUS PELANCONGAN

C7.1 GARIS PANDUAN KHUSUS PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK)

Lokasi	• HSK Bukit Batu Lebah • HSK Batang Melaka • HSK Paya Laut Merlimau

A. PIAWAIAN

i. Dormitori

- Dirancang secara berpusat dengan tapak perkhemahan dan kemudahan awam seperti surau.
- keupayaan menampung minimum 30 orang pada satu-satu masa.
- Ciri-ciri senibina perlu harmoni dengan budaya tempatan, nilai ekologi dan visual persekitaran.
- Mempunyai kemudahan bekalan elektrik dan air.

ii. Tapak perkhemahan yang disediakan perlulah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Kawasan yang rata dan berdekatan dengan sumber air.
- Berdekatan dengan kemudahan asas seperti tandas.
- Mengelak daripada berlaku pencemaran alam sekitar.
- Mengelak daripada berlakunya pencemaran alam sekitar.
- Mengelak kawasan habitat flora dan fauna yang unik.
- Peruntukan rezab untuk kawasan perkhemahan sekiranya terdapat pertambahan permintaan.

B. CONTOH PEMBANGUNAN/ AKTIVITI YANG DIBENARKAN

- Chalet Bentuk A (10 unit)
- Dewan Serbaguna
- Trek Jalan Kaki
- Jungle-Tracking
- Wakaf
- Menara Pandang
- Jambatan Kanopi
- Tempat Letak Kenderaan Berpusat
- Kiosk
- Kawasan Perkhemahan
- Tandas Awam
- Surau

C. JALAN, ANJAKAN BANGUNAN DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN

i. Jalan Masuk/ Laluan Pejalan Kaki

- Jalan masuk untuk pengunjung ke kawasan hutan hendaklah dibina dengan papan kaki.
- Menyediakan laluan pejalan kaki selebar 10 kaki dengan menggunakan *interlocking pavers* bagi menghubungkan perhentian dan kawasan letak kereta ke kemudahan utama yang disediakan.
- Laluan mesra alam seperti pembinaan yang mengikut kontur dan mengurangkan hakisan.
- Lebar laluan jalan kayu *(boardwalk)* minimum adalah 1.5 meter.

ii. Jarak Wakaf/ Pondok Rehat

- Wakaf seboleh-bolehnya dibina dengan jarak antara 150 meter – 200 meter namun bergantung kepada kesesuaian tapak.

D. KETINGGIAN BANGUNAN/ NISBAH PLOT DAN KAWASAN PLINTH

- Ketinggian bangunan (pokok rehat) hendaklah tidak melebihi 1 tingkat melainkan bagi menara pandang.
- Menara pemerhatian tidak boleh melebihi 3 tingkat.
- Semua bentuk bumbung harus memenuhi fungsi teduhan setempat atau melindungi elemen-elemen yang mudah rosak oleh cuaca berbeza tetapi sesuai dengan keadaan cuaca setempat.

E. LAIN-LAIN ASPEK KAWALAN PEMBANGUNAN

i. Pengurusan Alam Sekitar

- Penebangan pokok untuk menyediakan ruang untuk pembinaan laluan pejalan kaki dan struktur lain harus dikurangkan.
- Lumpur tidak sepatutnya digali atau longgokannya terdedah dan mengering semasa kerja-kerja penggalian dan pembinaan bangunan.
- Tong-tong sampah hendaklah kalis daripada hidupan liar.
- Mengintegrasikan dengan pembangunan/ aktiviti sekitar sungai.

ii. Kemudahan sokongan yang perlu disediakan.

- Tandas awam.
- Tong sampah
- Wakaf
- Meja berkelah/tempat duduk.

iii. Garis Panduan yang perlu dirujuk bersama

- Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 1996
- Piawaian Perancangan, JPBD Semenanjung Malaysia

iv. Tapak perkhemahan yang disediakan perlulah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Kawasan yang rata dan berdekatan dengan sumber air.
- Berdekatan dengan kemudahan asas seperti tandas.
- Mengelak daripada berlakunya pencemaran alam sekitar.
- Mengelak kawasan habitat flora dan fauna yang unik.
- Peruntukan rezab untuk kawasan perkhemahan sekiranya terdapat pertambahan permintaan.

C7.2 GARIS PANDUAN KHUSUS 'HOMESTAY'

Konsep Program *Homestay* adalah satu bentuk kemudahan tempat tinggal yang baru untuk pelancong di dalam industri pelancongan negara. Di bawah program ini, pelancong akan dapat tinggal bersama keluarga tuan rumah yang dipilih dan seterusnya berpeluang merasai cara hidup seharian keluarga berkenaan serta kebudayaan Malaysia secara langsung. Melalui cara ini pelancong akan mendapat pengalaman dan berinteraksi secara terus dengan cara hidup dan kebudayaan rakyat Malaysia.

Berikut merupakan garis panduan *homestay* yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.

A. SYARAT-SYARAT *HOMESTAY*

1. Lokasi rumah kediaman

- Lokasinya hendaklah di dalam kawasan yang sesuai dari segi sistem perhubungan pengangkutan
- Bebas daripada sebarang pencemaran alam.
- Mempunyai persekitaran yang sesuai dan sebaik-baiknya dapat memaparkan cara hidup masyarakat Malaysia.

2. Kemudahan Asas

- Rumah kediaman tersebut hendaklah mempunyai keluasan yang sesuai dan pelancong yang menginap hendaklah ditempatkan di bilik yang berasingan.
- Bagi menjamin keselesaan keluarga dan pelancong, bilangan maksimum bilik yang dibenarkan untuk disewakan kepada pelancong adalah terhad kepada 3 buah bilik dengan ruang keluasan yang sesuai.
- Keselesaan pelancong perlu diberi perhatian termasuklah menyediakan bilik mandi, tandas, ruang makan dan ruang tamu dan kemudahan asas lain yang sesuai.
- Penyediaan dan pembekalan makan/ minum, tuala, ubat nyamuk, kelambu dan kain sarung/ batik adalah atas permintaan oleh pelancong dan ianya akan dikenakan bayaran.
- Penyelenggaraan rapi ke atas semua kemudahan asas hendaklah dibuat bagi memastikan kebersihan persekitaran dan keselesaan pelancong.

3. Kebersihan

- Kawasan persekitaran rumah perlulah bersih dan bebas dari sampah sarap yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lalat.
- Sistem pembuangan air dan perparitan yang baik hendaklah diadakan bagi mengelakkan bau busuk.

B. KESELAMATAN

1. Untuk melindungi keselamatan pihak-pihak yang terlibat, terutamanya pelancong, perlindungan insurans adalah perlu. Bagi memastikan semua pihak yang terlibat akan mendapat perlindungan, jika berlaku sebarang bentuk kemalangan, perkara-perkara berikut adalah diperlukan iaitu:

    - Bagi pelancong berkumpulan dan diuruskan oleh syarikat pelancongan, perlindungan insurans hendaklah diuruskan oleh syarikat pelancongan tersebut.
    - Bagi pelancong perseorangan (FIT) tuan punya rumah dinasihatkan mengambil insurans daripada mana-mana syarikat insurans yang berdaftar.

2. Di samping itu, langkah-langkah keselamatan seperti pencegahan kebakaran perlulah diambil kira oleh tuan punya rumah.

C. PENYIMPANAN, PENYEDIAAN MAKANAN DAN PENGELOLAAN PREMIS MAKANAN

1. Semua tempat penyimpanan dan penyediaan makanan dan premis makanan hendaklah dijaga supaya sentiasa berada di dalam keadaan bersih dan kemas.

2. Tempat-tempat berkenaan mestilah bersih dari segala bekas yang telah digunakan (kotak-kotak, tin, botol dan sebagainya) yang boleh menjadi tempat menginap dan pembiakan 'vermin' tikus dan serangga.

3. Bahan buangan dari premis-premis makanan perlulah dikumpulkan di dalam bekas yang sempurna dan dibuang sekerap yang mungkin.

4. Premis-premis makanan, alat kelengkapan dan bekas untuk mengumpul bahan buangan mestilah dibersihkan sekerap yang mungkin.

5. Persekitaran premis mestilah dijaga supaya berada di dalam keadaan baik dan dibersihkan selalu.

D. PENGENDALIAN MAKANAN

1. Semua bahan makanan mentah mestilah dibersihkan secukupnya dan diletakkan di dalam bekas yang sesuai sebelum disimpan.

2. Makanan hendaklah disimpan pada tempat yang selamat dan jauh dari bahan beracun atau bahan toksin seperti *pesticides* dan sebagainya.

3. Semasa menghidangkan makanan yang sedia dimakan makanan mestilah dijaga dengan menutup makanan tersebut.

E. LAIN-LAIN

- Kampung-kampung yang terlibat dengan *homestay* perlu menyediakan sebuah kawasan/ balai terbuka untuk persembahan kebudayaan dan sesi suai kenal.

- Menyediakan landskap dan papan tanda yang menarik di kawasan kampung yang terlibat dengan homestay.

- Menaiktaraf jalan utama di kawasan *homestay* dengan landskap kejur yang menarik.

Cadangan Papan Infromasi Homestay

Cadangan Balai Terbuka

C8 GARIS PANDUAN KHUSUS PERNIAGAAN

C8.1 GARIS PANDUAN KHUSUS RUANG MAKAN TERBUKA

- Rekabentuk ruang makan terbuka mestilah mempunyai kaitan dengan aktiviti perniagaan dan fasad bangunan yang sedia ada.
- Ruang makan Terbuka hendaklah dibina dan diselenggara oleh pemilik bangunan. Ruang tersebut tidak boleh disewakan kepada mana-mana pihak ketiga.
- Ruang ini tidak dibenarkan untuk meletakkan barang-barang jualan atau apa-apa tujuan lain selain sebagai ruang makan sahaja.
- Waktu penggunaan mestilah tidak melebihi waktu 12 tengah malam bagi tujuan pembersihan.
- Ruang makan terbuka tidak dibenarkan disediakan di atas jalan raya yang digunakan oleh kenderaan bermotor bagi menjaga keselamatan orang awam.
- Laluan pejalan kaki tanpa halangan selebar minimum 1.5 meter hendaklah disediakan sepanjang masa dan reka bentuk ruang makan ini mestilah bebas halangan.
- Struktur kekotak tanaman, panel atau skrin mestilah disediakan bertujuan untuk dijadikan sempadan antara ruang makan terbuka dan laluan pejalan kaki.
- Struktur-struktur pembahagi sempadan mestilah mudah alih dan menggunakan konsep *slot in* kepada lantai agar struktur tidak bergerak dan teguh.
- Kesemua struktur tidak dibenarkan terbiar di luar bangunan dan hendak disimpan dalam bangunan apabila kafe tersebut tidak beroperasi.
- Struktur *planter box* dan kerusi meja yang digunakan mestilah diperbuat daripada bahan yang berkualiti, menarik dan kemas.

Illustrasi Ruang Makan Terbuka di hadapan bangunan perniagaan



Keratan rentas ruang makan terbuka

Struktur 'slot in' pada ruang lantai

Ruang makan ini terbuka dan tidak menyekat laluan pejalan kaki

Ruang makan terbuka dengan kanopi pada tepi bangunan

C9 GARIS PANDUAN KHUSUS INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

C9.1 GARIS PANDUAN KHUSUS SISTEM PERPARITAN DAN SALIRAN

Perancangan dan rekabentuk sistem perparitan dan saliran bagi pembangunan hendaklah menggunapakai Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA).

A. PERPARITAN DAN SALIRAN

- Sistem perparitan dan saliran yang dicadangkan adalah sistem yang mesra alam dengan tujuan untuk memastikan bahawa pelaksanaannya bukan sahaja memberi penyelesaian kepada masalah banjir dan air larian permukaan malah ianya juga menepati konsep lanskap secara keseluruhan bagi pembangunan ini.
- Sistem perparitan dan saliran hendaklah mengambil kira ciri-ciri berikut:

  i. Longkang perimeter bangunan hendaklah dari jenis longkang konkrit 'half round glazed concrete' dengan saiz minima 250mm.

  ii. Longkang jejari 'road side drain' – dari jenis U-drain dengan saiz minima 900 mm. Bagi kawasan komersial / kediaman, longkang yang mempunyai kedalaman melebihi 1 meter perlu dipasang penutup 'RC Slab' atau dibina pagar keselamatan di tepinya.

  iii. Longkang penyumbang utama 'feeder drain' dan terusan utama 'main canal' hendaklah dari jenis longkang tanah 'earth drain' dan disokong oleh sistem kawalan hakisan.

  iv. Arah aliran perparitan semulajadi perlu dikekal dan digabungkan sebagai sebahagian rekabentuk projek.

  v. Semua parit-parit jalan berukuran 3m ke bawah hendaklah ditutup. Bagi 3m ke atas perlu dibuka dan direkabentuk secara sistem perparitan jenis 'swale' sepertimana Gambar 5.2.7a

  vi. Semua parit-parit di dalam taman-taman awam hendaklah berbentuk 'swale' serta diintegrasi bersama tanaman pokok dan bentuk rupabumi sedia ada.

B. AIR LARIAN PERMUKAAN

- Semua air larian permukaan 'surface runoff' dari pembangunan ini hendaklah dialirkan ke kolam takungan utama sebelum dilepaskan ke terusan utama / sungai di bahagian hiliran dengan menggunakan kaedah 'control weir'. Kolam takungan hendaklah digunakan sepenuhnya untuk mengawal kadar aliran air ke dalam sungai sediada supaya tidak berlaku banjir.

C. RAIN WATER HARVESTING

- Air hujan daripada bangunan hendaklah dikawal menerusi kaedah '*rain water harvesting*' sebelum dialirkan ke longkang.



Konsep 'Rain Water Harvesting' Bagi Bangunan Kediaman

<u>Mengawal Kualiti Air</u>

- Untuk mengawal kualiti air di dalam tasik (kolam takungan), perkara-perkara berikut perlu dipatuhi:

i. Perangkap mendap perlu dipasang di bahagian hiliran longkang penyumbang utama 'feeder drain' sebelum memasuki kolam takungan.

ii. Penggunaan 'gross pollutant trap' bagi mencegah pencemaran sistem perparitan dan kolam takungan.

a) Perangkap Sampah Terapung (Floating Trash Boom)

- Pemilihan tapak struktur Perangkap Sampah Terapung (PST) perlu mengambil kira perkara-perkara berikut :-

  i. Bahagian hulu atau sebelum aliran sungai memasuki kawsan bandar di kawasan yang terlibat dengan aliran pasang surut pemasangan PST di hilir bandar juga adalah digalakkan.
  ii. Bahagian hilir aliran sebelum memasuki kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), daerah dan negeri. Ini untuk memastikan sampah tersebut di selenggara oleh PBT.
  iii. Jauh dari kawasan perumahan atau petempatan.

- Pembinaan PST merentangi sungai yang juga digunakan sebagai laluan air mesti mengambil kira aktiviti tersebut.

- Papan tanda perlu dipasang untuk memberi amaran agar PST tidak digunakan sebagai jambatan.

- Penyelenggaraan PST termasuk pungutan sampah dan pemeriksaan kabel perlu dijalankan mengikut jadual. Kegagalan mematuhinya boleh mendatangkan keburukan seperti :-

  i. Beban yang tinggi akibat sampah sarap yang terkumpul boleh merosakkan kabel dan tiang penyokong.
  ii. Banjir di bahagian hulu dan kerosakan tebing sungai.
  iii. Menimbulkan bau dan keadaan tidak selesa di kawasan sekitar dan mendorong kabel dibuka oleh orang awam.

b) Skrin Sampah (Trash Screen)

- Pemilihan lokasi skrin sampah perlu dibuat dengan mengambil kira sampah-sampah ini dapat dikeluarkan di peringkat awal yang mungkin.
- Skrin sampah perlu direkabentuk supaya membolehkan air melimpah semasa banjir.

Perangkap Sampah (Floating Trash Boom)

Perangkap Sampah (Trash Screen)

c) Rizab Sungai

- Keperluan Zon penampan antara pembangunan dengan sempadan rizab sungai:
  i. 100m *(328')* bagi pembangunan pelancongan
  ii. 500m *(1640')* bagi pembangunan kediaman
  iii. 1,000m *(3280')* bagi pembangunan industri

- Pemindahan jajaran sungai hanya dibenarkan dengan kelulusan JPS.

- 30% daripada rizab sungai yang di majukan sebagai kawasan rekreasi, kawasan hijau, pengindahan dan lain-lain oleh pemaju boleh dikira sebagai sebahagian daripada kawasan lapang yang perlu disediakan dalam pembangunan kediaman.

- Bangunan-bangunan serta infrastruktur dan utiliti tidak dibenarkan dalam rizab sungai seperti bangunan pejabat, LRT, paip gas dan kabel.

- Kemudahan-kemudahan rekreasi seperti gelanggang tenis, padang bola sepak dan taman bunga yang dapat digunakan semasa aliran air sungai rendah *(dry-flow)* dan tidak menjadi gangguan semasa aliran air banjir adalah dibenarkan dalam rizab sungai.

- Bangunan dan pembangunan infrastruktur yang akan dibina perlu mengambil kira konsep pembangunan berhadapan sungai.

- Bangunan-bangunan dan infrastruktur hendaklah tidak melindungi pemandangan persekitaran sungai *(river view) seperti* bangunan-bangunan rendah didirikan di hadapan dan bangunan tinggi di belakang.

- Laluan awam selebar minimum 6m *(20')* ke rizab sungai perlu disediakan dengan jarak maksimum 150m *(492')* antara satu laluan awam dengan laluan awam yang lain.

- Bagi bangunan *'double frontage'* anjakan bangunan dari sempadan rizab sungai ialah 12m *(40')* merangkumi :

  i. 6m *(20')* bagi laluan siar kaki
  ii. 6m *(20'*) anjakan bangunan dari sempadan lot

- Bagi bangunan yang menghadap jalan di tebing sungai anjakan bangunan dari sempadan rizab sungai ialah 21m *(70')* merangkumi :

  i. 15m *(50')* bagi jalan perkhidmatan
  ii. 6m *(20')* anjakan bangunan dari sempadan lot

C9.2 GARIS PANDUAN KHUSUS SISTEM PEMBETUNGAN DAN RAWATAN KUMBAHAN

Penyediaan sistem pembentungan hendaklah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan menerusi 'Guidelines for Developer, Volume 1 - 5' yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dan juga "Malaysian Sewerage Industry Guidelines" yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

A. GARIS PANDUAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN (LRK)

- Sistem rawatan pembentungan bagi pembangunan pusat pentadbiran ini hendaklah dijalankan menerusi sebuah loji rawatan kumbahan berpusat. Semua sisa kumbahan dari pembangunan ini hendaklah dialirkan ke loji rawatan berpusat ini melalui sistem paip retikulasi pembentungan.

- Pengiraan penduduk setara 'population equivalent, PE' hendaklah berdasarkan garis-panduan seperti **Jadual C4**.

- Keluasan tapak yang diperlukan bagi pembinaan Loji Rawatan Kumbahan (LRK) mengambil kira zon penampan 'buffer zone' seperti berikut:

  i. Jarak minima 30 meter dari pagar LRK ke garisan terdekat bangunan yang dihuni bagi zon kediaman dan perniagaan.
  ii. Jarak minima 20 meter dari pagar LRK ke garisan hartanah terdekat bagi zon pembangunan industri.
  iii. Jarak minima 10 meter dari pagar LRK ke garisan terdekat bangunan yang dihuni untuk LRK yang dibina secara tertutup sepenuhnya 'fully enclosed STP' ataupun yang ditanam di bawah tanah 'covered or buried STP'.

- Kedudukan LRK hendaklah mengambil kira faktor-faktor berikut:

  i. Mempunyai laluan yang boleh menghubungkan ke jalan utama.
  ii. Tidak terlalu hampir dengan institusi keagamaan seperti masjid dan sebagainya.
  iii. Tidak terlalu hampir dengan medan selera.
  iv. Berjauhan dari taman permainan kanak-kanak.

- Effluen yang dihasilkan dari LRK ini hendaklah dari Standard A sepertimana yang ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974.

Jadual C5 PENGIRAAN PENDUDUK SETARA

JENIS PREMIS	PENDUDUK SETARA (PE)
• Kediaman	• 5 / rumah
• Komersil / perdagangan termasuk pejabat, kompleks membeli-belah, pusat hiburan / rekreasi, restoran, kafeteria dan gerai	• 3 / 100 m2 keluasan lantai kasar
• Sekolah / Institusi Pengajian Harian	• 0.2 / pelajar
• Hospital Swasta	• 4 / katil
• Klinik Swasta	• 4/ katil
• Hotel dengan kemudahan makanan dan cucian	• 4 / bilik
• Kilang (tidak termasuk air sisa kilang)	• 0.3 / pekerja
• Pasar (basah)	• 3 / gerai
• Pasar (kering)	• 1 / gerai
• Stesen minyak / pusat servis	• 15 / tandas
• Terminal Bas	• 4/ petak bas
• Terminal Teksi	• 4 / petak teksi
• Masjid / surau	• 0.2 / Jemaah
• komplek sukan	• 0.5 / orang
• Tandas Awam	• 15 / tandas
• Dobi	• 10 / mesin

Kadar Penduduk Setara 'Population Equivalent, PE')

B. GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN REKABENTUK

Garis panduan lain yang perlu dirujuk bagi perancangan sistem pembentungan dan rawatan kumbahan adalah seperti berikut:

- 'Malaysian Standard 1228, 1991 Code of Practice for Design and Installation of Sewerage Systems;
- Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti (Service Protocol) bil: JPBD 20/97: yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974
- Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1975 dan Akta Kualiti Alam Sekitar 1994
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (OSHA);
- Peraturan Sistem Pembetungan dan Tangki Najis (perancangan rekabentuk dan pembinaan) 1999; dan
- Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Efluen Najis dan Industri) 1979.

C10 GARIS PANDUAN KHUSUS PENGANGKUTAN DAN PENGURUSAN LALU LINTAS

C10.1 GARIS PANDUAN KHUSUS LALUAN DAN KEMUDAHAN BASIKAL

A. LALUAN BASIKAL

- Memperuntukkan lorong khas untuk basikal di kedua-dua bahagian pinggir jalan raya.
- Minimum lebar laluan basikal mestilah 1.2 meter dan lebih baik sekiranya dapat memuatkan dua basikal bersebelahan dengan selesa.
- Satu laluan basikal mestilah satu arah lalu lintas sahaja.
- Mempunyai warna pada garisan dan turapan trek bertujuan membezakan jalan raya dan laluan berbasikal.
- Permukaan turapan yang rata, berkualiti dan bersesuaian dengan basikal tujuan untuk meningkatkan tahap keselesaan dan menjaga kondisi basikal pengguna.
- Ketinggian platform laluan basikal yang sedikit tinggi daripada jalan raya.
- Memasang tonggak jalan yang mempunyai ruang bersesuaian dengan saiz basikal di setiap laluan masuk dan keluar laluan basikal bagi mengelakkan akses kenderaan bermotor.
- Menyediakan landskap pembahagi jalan di antara jalan raya dan laluan basikal untuk tujuan keselamatan.
- Penyediaan landskap lembut seperti jenis tanaman kanopi di sepanjang laluan basikal berfungsi sebagai teduhan daripada cuaca di samping meningkatkan tahap keselesaan dan estetika bandar.
- Mempunyai tanda arah lalu lintas di atas permukaan turapan bagi mengelakkan kekeliruan atau konflik terhadap pengguna.
- Mempunyai papan tanda arah destinasi pada ketinggian yang sesuai (Minimum 2 meter).

Dilengkapi landskap dan pencahayaan sepanjang laluan basikal

Permukaan yang berbeza warna dengan permukaan laluan kenderaan bermotor

B. LALUAN BASIKAL GUNASAMA

- Reka bentuk laluan berkongsi mestilah tidak mempunyai sebarang halangan fizikal untuk mengelakkan gangguan kepada lalu lintas pejalan kaki dan basikal.
- Penyediaan landskap lembut seperti jenis tanaman kanopi di sepanjang laluan basikal dan laluan pejalan kaki berfungsi sebagai teduhan daripada cuaca di samping meningkatkan tahap keselesaan dan estetika bandar.
- Penanda lorong seperti gambar atau warna laluan di atas permukaan turapan bagi membezakan laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal.
- Pemasangan papan tanda menunjukkan kelajuan yang dibenarkan oleh penunggang basikal untuk keselamatan pejalan kaki.
- Laluan guna sama mestilah dilengkapi dengan sistem pencahayaan yang mencukupi supaya dapat mewujudkan pengawasan semula jadi dan tahap keselamatan yang tinggi.
- Laluan guna sama mestilah tidak terlindung daripada penglihatan orang ramai bagi meningkatkan pengawasan dan keselamatan pengguna daripada aktiviti jenayah.
- Memastikan permukaan rata dan selamat bagi memudahkan pergerakan orang yang berkerusi roda dan juga kereta sorong bayi.

Papan tanda yang menunjukkan laluan gunasama laluan sikal dan laluan pejalan kaki

Penanda lorong di atas permukaan turapan

C. HENTIAN BASIKAL

- Menyediakan hentian yang selesa bagi kegunaan pengguna basikal dan pejalan kaki untuk berehat.
- Jarak diantara sesebuah hentian basikal dengan yang lain dalam jarak 100 meter dan 400 meter.
- Setiap taman selingan *(pocket park)* mestilah menyediakan kemudahan tempat letak basikal berkunci.
- Antara komponen kemudahan yang dicadangkan di hentian adalah wakaf, tempat duduk, rak basikal, lampu, water cooler dan tong sampah.

Contoh Tempat Letak Basikal

D. BIKE CORRAL

- Mengubah kegunaan tempat letak kenderaan sedia ada kepada tempat letak basikal yang boleh menampung sebanyak 12-24 buah basikal.
- Setiap basikal boleh diletakkan pada sudut 45 darjah untuk meningkatkan akses laluan pejalan kaki dan kawasan lintasan.
- Ia mampu untuk menampung keperluan tempat letak basikal di kawasan yang menjadi tumpuan pengguna basikal.
- Boleh diletakkan di sudut persimpangan yang menjadi tumpuan pejalan kaki dan laluan basikal.
- Proses untuk membaikpulih dan penyelenggaraan rak basikal ini dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Menggalakkan orang ramai untuk menggunakan basikal bagi berulang-alik dari satu tempat ke tempat yang lain.
- Meningkatkan tahap keselamatan di sekitar bangunan dan kawasan yang terlibat

Tempat Letak Kereta yang Dijadikan Tempat Letak Basikal





Keluasan Tapak Rak Basikal

PLANMalaysia
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa

PLANMalaysia@Melaka

MAJLIS PERBANDARAN JASIN